

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (SABAH)  
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN  
KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

ROZITA @ UJI BINTI MOHAMMED

**KETUA UNIT KUALITI :**

BETSY JOMITIN

**PENYELARAS :**

JACQUELINE BINTI JOSEPH

**PENULIS :**

1. JACQUELINE BINTI JOSEPH
2. JACQUELINE BINTI JOSEPH
3. GRACE FLAVYELIZ SINONG
4. SHARIFAH SARI BINTI DATU ASAL
5. TUTIYANA BINTI MOHAMED
6. LUQMAN BIN ABDUL SHUKOR
7. NURUL HUDA BINTI ROSLAN

8. HERSHAN @ RAY HERMAN
9. ALICE WONG SU CHU
10. SITI AMINAH BT TENGAH @ MOHAMMAD
11. AMIRRUL MUHMININ BIN DARUSSAMIN
12. VIDURIATI BINTI SUMIN
13. DG KU HABIBAH BINTI AG KEE
14. SHAFAWATI FARHANA BINTI MOHD SAFIHIE
15. EVEANA MOSUIN
16. MOHD. ADZWIN FARIS BIN NIASIN
17. RINNO AMEY BIN AWANG
18. RINNO AMEY BIN AWANG
19. RINNO AMEY BIN AWANG
20. JENNA DESIREE ROBERT
21. SURAIL BIN ABDUL KAHAR @ ETING
22. SALLEHUDDIN BIN JASIMANI @ AMRAN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH) diterajui oleh **Rektor** dan dibantu oleh tiga **Timbalan Rektor** iaitu **Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik (TRHEA)**, **Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (TRHEP)** dan **Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (TRPJIM&A)**. Struktur kepimpinan ini disokong oleh **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** yang relevan iaitu **Hal Ehwal Pelajar (HEP)** dan **PJIM&A** sebagai pemilik utama **Petunjuk Prestasi (PI)** bidang tumpuan.

Bidang tumpuan yang dipilih untuk Laporan AKNC tahun ini ialah **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** dengan lima **PI utama** yang ditetapkan:

- **PI080** – Bilangan Program Khidmat Kepakaran Alumni
- **PI076** – Bilangan Program Pemindahan Ilmu (KTP)
- **PI028** – Bilangan Program Kesukarelawan
- **PI077** – Dana Luar untuk USR & KTP
- **PI136** – Zero Poverty Program (pertama kali diperkenalkan pada tahun 2024).

#### **Perancangan (Plan)**

UiTMCSH telah memformulasikan **Pelan Strategik Bidang Tumpuan** berasaskan tiga proses utama iaitu **perancangan, pelaksanaan dan penambahbaikan** dengan sokongan sistem pemantauan berterusan. Perancangan ini diselaraskan dengan aspirasi UiTM untuk menjadi "**Universiti Terkemuka Dunia 2025**" serta berpandukan dasar nasional dan negeri seperti:

- **Enam Rukun Malaysia MADANI,**
- **Tema 1 & 2 RMK-12,**
- **Lima Tema Strategik UiTM2025,**
- **Lonjakan Kedua PPPM,**
- **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), dan**
- **Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).**

UiTMCSH turut mengaplikasikan **Model Quintuple Helix-5R** yang menekankan kerjasama antara **kerajaan, komuniti, industri, universiti dan persekitaran** dalam menjayakan inisiatif strategik.

#### **Pelaksanaan (Do)**

Pada tahun 2024, UiTMCSH telah melaksanakan **17 projek komuniti** melibatkan komuniti dalam dan luar negara serta jaringan alumni. Projek-projek ini telah menyumbang secara langsung kepada pencapaian PI yang ditetapkan.

Dua **projek mega berimpak tinggi** yang menjadi fokus laporan ini ialah:

1. **Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS 2.0)**
2. **Projek Dapur HEP 2.0©**

Kedua-dua projek ini bukan sahaja menggabungkan elemen alumni, komuniti dan kesukarelawan, tetapi turut merangkumi **perkongsian ilmu, kepakaran, aktiviti kemasyarakatan** serta **penjanaan ekonomi komuniti setempat**. Inisiatif ini menyemai budaya **kesukarelawan** dalam kalangan pelajar dan warga UiTMCSH.

#### **Pemantauan (Check)**

Projek dipantau secara sistematik melalui laporan **Penyelaras ICAN UiTMCSH, Laporan Piagam Pelanggan Universiti (2020–2025)**, laporan penutup projek serta rekod dalam sistem **PRIME**. Selain itu, pemantauan tambahan turut dibuat melalui laporan **Community Network Centre (CNC)**.

#### **Tindakan Penambahbaikan & Risiko (Act)**

Hasil pemantauan dibincangkan dalam **MKSP, JKEN** dan **bengkel strategik** untuk menambah baik PI yang belum tercapai, manakala PI yang telah dicapai diperkukuh. **Pengurusan risiko** dilaksanakan secara berkala melalui **Jawatankuasa Risiko UiTMCSH**, dengan semakan dua kali setahun.

Risiko utama projek seperti **Dapur HEP** (keselamatan makanan) dan **FLP-GAPS 2.0** (teknikal, kewangan, pasaran dan luar jangka) ditangani melalui **SOP, bajet fleksibel, pemasaran digital dan pelan kecemasan**.

#### **Kesimpulan**

Dengan **perancangan strategik berlandaskan dasar nasional dan negeri, pelaksanaan projek berimpak tinggi, pemantauan berterusan** serta **kawalan risiko yang mantap**, UiTMCSH berjaya memperkukuh bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**. Usaha ini memastikan **pencapaian PI**, kelestarian projek dan menyumbang kepada aspirasi UiTM untuk kekal **relevan, berdaya tahan** serta menuju ke arah **Universiti Terkemuka Dunia menjelang 2025**.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH) melaksanakan pendekatan perancangan strategik secara berfasa, bermula dengan penilaian prestasi **Petunjuk Prestasi (PI)** yang dibentangkan oleh **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** dan **Penyelaras Unit Perancangan Strategik (UPS)**. Bagi Disember 2024, lima PI bidang tumpuan dikenal pasti, iaitu: (Bukti 1)

- **PI080** – Bilangan Program Khidmat Kepakaran Alumni
- **PI076** – Bilangan Program Pemindahan Ilmu (KTP)
- **PI028** – Bilangan Program Kesukarelawan
- **PI077** – Dana Luar untuk USR & KTP
- **PI136** – Zero Poverty Program (pertama kali diperkenalkan pada tahun 2024).

Penilaian ini diperkukuh melalui analisis **laporan suku tahunan Community Network Centre (CNC)** (Bukti 2) di bawah ICAN serta **Laporan Piagam Pelanggan Universiti**. Dapatan tersebut menjadi input utama **Bengkel Perancangan Strategik** (Bukti 3) bagi membentuk Pelan Tindakan Strategik yang mantap, berfokus dan terukur untuk mencapai PI.

Pendekatan UiTMCSH diselaraskan dengan dasar dan hala tuju berikut:

- **Enam Rukun Malaysia MADANI,**
- **Tema 1 & Tema 2 RMK-12,**
- **Lima Tema Strategik Pelan Strategik UiTM2025,**
- **Lonjakan Kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM),**
- **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), dan**
- **Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).**

Penyelarasan ini memastikan kesepaduan dasar, keberkaitan strategi dan kebolehcapaiannya di peringkat universiti, negeri, negara dan juga antarabangsa.

Sebagai pemacu utama, UiTMCSH mengaplikasikan **Model Quintuple Helix-5R** yang diperkenalkan oleh **Rektor UiTMCSH, Profesor Madya Dr. Rozita @ Uji Mohammed**, melalui Amanat Rektor dan diperincikan dalam Bengkel Perancangan Strategik 2024 (Bukti 3). Model ini menekankan kolaborasi lima subsistem iaitu:

1. **Kerajaan (Political System)**
2. **Komuniti/Masyarakat Sipil**
3. **Industri (Economic System)**
4. **Universiti (Education System)**
5. **Persekitaran (Natural Environment)**

Lima subsistem ini saling berkongsi pengetahuan, sumber dan kepakaran bagi menghasilkan sinergi berimpak tinggi. Pendekatan ini amat relevan untuk jaringan komuniti, alumni dan kesukarelawan kerana projek komuniti tidak boleh bergantung kepada satu subsistem sahaja; jika UiTMCSH bergerak secara bersendirian, projek tidak dapat mencapai potensi sebenar.

Menyedari kekangan kewangan, masa dan tenaga kerja, UiTMCSH memobilisasi kerjasama pelbagai pihak, khususnya kerajaan dan industri, bagi memacu hasil berimpak tanpa menambah beban kos yang tidak perlu. Keutamaan turut diberikan kepada **penggembungan dana luar** sebagai objektif utama, disokong oleh lima PI berkaitan, manakala PI lain memacu keterlibatan komuniti, alumni dan kesukarelawan.

**Rektor UiTMCSH, Profesor Madya Dr. Rozita @ Uji Mohammed** turut menambah baik model ini dengan memperkenalkan **elemen 5R** yang meningkatkan keberkesanan operasi:

- **Relation** – membina jaringan strategik merentas kelima-lima heliks,
- **Reduction** – mengoptimumkan sumber dan meminimumkan pembaziran kos serta masa,
- **Reform** – memacu inovasi, pembaharuan proses dan model pelaksanaan,
- **Return** – memastikan hasil memberi impak nyata kepada masyarakat dan universiti,
- **Resilience** – memperkukuh daya tahan ke arah kelestarian program.

**Model Quintuple Helix–5R juga** dibentangkan oleh Rektor di Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-XV 2024. (Bukti 5)

Pendekatan ini diterjemahkan melalui projek perintis seperti **FLP-GAPS 2.0** dan **Dapur HEP 2.0** yang memperlihatkan penglibatan menyeluruh kelima-lima heliks serta penerapan 5R dalam reka bentuk, pelaksanaan dan penilaian impak. Hasil pencapaian tahun 2024 menunjukkan semua PI terpilih mencapai sasaran dari segi bilangan, manakala satu PI berasaskan nilai (RM) iaitu dana luar telah melepasi sasaran yang ditetapkan. (Bukti 4)

Secara keseluruhan, strategi bersepadu yang berpaksikan **data dan kolaborasi** ini mempercepat pencapaian PI UiTMCSH serta menyokong aspirasi **Pelan Strategik UiTM2025**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_K01\\_KB02\\_20251\\_Bukti 1 1.2.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB02\\_20252\\_Bukti 2 1.2.pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB02\\_20253\\_Bukti 3 1.2.pdf](#)
4. [K0025\\_K01\\_KB02\\_20254\\_Bukti 4 1.2.pdf](#)
5. [K0025\\_K01\\_KB02\\_20255\\_Bukti 5 1.2.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan **UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH)** sentiasa peka terhadap hala tuju serta dasar **Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri Sabah, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)**, dan **Pengurusan Tertinggi UiTM**. Kesemua dasar ini dijadikan rujukan utama dalam merangka perancangan strategik, khususnya bagi melaksanakan peluasan dan penyampaian maklumat bidang tumpuan secara menyeluruh kepada seluruh sistem UiTM, pihak industri, alumni serta pemegang taruh lain.

Selaras dengan **Model Quintuple Helix-5R**, peluasan bidang tumpuan dilaksanakan melalui kerjasama bersepadu lima subsistem utama iaitu **Kerajaan, Komuniti, Industri, Universiti dan Persekitaran**. Peluasan ini bermula dengan **Bengkel Perancangan Strategik 2024** yang menyelaras projek berasaskan **Petunjuk Prestasi (PI)** yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi UiTM. Melalui bengkel ini, sasaran PI diagihkan kepada **Pusat Tanggungjawab (PTJ)** serta **Koordinator ICAN** ( Bukti 1).

Bagi bidang tumpuan Komuniti dan Alumni, PTJ yang bertanggungjawab ialah **PJM&A** (Bukti 2) dan **HEP** (kesukarelawan). Setiap PTJ menyediakan pelan perancangan strategik bagi mencapai PI yang telah digariskan Bukti 2. Pelaksanaan projek dipastikan mematuhi **Garis Panduan Jaringan Komuniti UiTM**, manakala setiap projek diwajibkan menyediakan laporan dalam **PRIME** dan **CNC** bagi memastikan pematuhan kepada SOP UiTM. (Bukti 3)

Dari segi kewangan, setiap projek diurus secara telus melalui penyediaan **kertas kerja** oleh ketua projek dan dibentangkan kepada Pengurusan Kanan UiTMCSH. Semua projek komuniti dan kesukarelawan diselaraskan dengan PI UiTMCSH, manakala prinsip **Quintuple Helix-5R** diterapkan melalui:

1. **Relation** – Jalinan kerjasama pintar antara universiti, komuniti, kerajaan dan industri.
2. **Reduction** – Pengurangan kos dan pembaziran melalui inovasi serta kitar semula sumber.
3. **Reform** – Pembaharuan teknologi dan inovasi pertanian moden untuk komuniti luar bandar.
4. **Return** – Pulangan ekonomi, sosial dan akademik kepada komuniti.
5. **Resilience** – Daya tahan dan kelestarian pembangunan komuniti.

Contoh jelas dapat dilihat melalui **Projek FLP-GAPS 2.0** yang melibatkan kelima-lima subsistem: (Bukti 4)

- **Kerajaan:** Kementerian Kewangan sebagai penyedia dana dan pengaudit,
- **Komuniti:** Peserta **B40** dan keluarga mereka,
- **Industri:** **Tocodes Legacy Sdn. Bhd.** sebagai pelaksana pemasangan sistem akuaponik,
- **Universiti:** UiTM Sabah & ICAN bertanggungjawab terhadap latihan, penyelidikan dan penyelarasan,
- **Persekitaran:** Penerapan sistem akuaponik hijau yang mesra alam dan lestari.

Dari aspek pelaksanaan, kerjasama erat dijalinan antara semua pemegang taruh melalui **komunikasi berterusan** bersama UiTMCSH. Berpaksikan **Quintuple Helix-5R**, keterlibatan ini menambah baik perancangan serta meningkatkan kualiti projek, sekali gus memperkukuh hubungan UiTMCSH dengan industri, komuniti dan alumni.

Bagi tujuan **penyebaran maklumat**, UiTMCSH menggunakan pelbagai saluran langsung dan tidak langsung, antaranya:

- Penyertaan dalam program anjuran UiTMCSH, Kerajaan dan komuniti setempat,
- Lawatan hormat ke agensi kerajaan dan organisasi berkepentingan,
- Platform digital seperti e-mel rasmi jabatan, aplikasi rasmi UiTMCSH dan aplikasi **WhatsApp**.

Bagi memastikan seluruh warga kerja UiTMCSH memahami dengan jelas pelaksanaan objektif,

mulaian strategik serta penderatan *qanunpro noma* 021, Rektor UTMCOH telah membentangkan perkara ini secara terperinci dalam **Bengkel Perancangan Strategik 2024** (Bukti 5). Pembentangan ini bukan sahaja memberi penjelasan mengenai hala tuju universiti, malah turut memperkukuh kefahaman staf terhadap peranan masing-masing dalam menyokong keberhasilan bidang tumpuan.

Selain itu, siri mesyuarat berstruktur seperti **Amanat Rektor 2024, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Sumber Manusia** serta **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** turut dilaksanakan bagi memastikan semua projek menepati kehendak pemegang taruh, pelanggan dan subsistem yang terlibat.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_K01\\_KB03\\_20251\\_Bukti 1.1.3.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB03\\_20252\\_Bukti 1 1.3.pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB03\\_20253\\_Bukti 3 1.2.pdf](#)
4. [K0025\\_K01\\_KB03\\_20254\\_Bukti 4 1.3.pdf](#)
5. [K0025\\_K01\\_KB03\\_20255\\_Bukti 5 1.3.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan Kanan **UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH)** melaksanakan **pemantauan berstruktur** bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan projek bidang tumpuan. Pelan pemantauan ini bermula sebelum projek dilaksanakan melalui **penilaian kertas kerja**, dan diteruskan selepas projek tamat melalui **laporan penutup program**. Pendekatan ini membolehkan pihak pengurusan mengenal pasti **keberhasilan, kelemahan serta punca kegagalan** sesuatu inisiatif untuk tindakan penambahbaikan seterusnya.

Instrumen pemantauan dilaksanakan melalui:

- **laporan projek PRIME**, (Bukti 1)
- **laporan Community Network Centre (CNC)** (Bukti 2), dan
- **laporan aktiviti** (Bukti 3)

Selain itu, **audit dalaman tahunan, semakan sistem UePMO**, serta **Dashboard Power BI BTU** turut digunakan untuk memantau pencapaian **Performance Indicator (PI)** serta memastikan projek berada pada landasan yang ditetapkan.

Selain itu, **pemantauan oleh pihak pemberi dana** juga dilaksanakan bagi memastikan kelancaran projek dan ketelusan penggunaan peruntukan. Sebagai contoh, **Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS 2.0)** di **Kg. Kayu Madang** dipantau secara langsung oleh **Kementerian Kewangan (MOF)** (Bukti 4). Pemantauan ini merangkumi laporan kemajuan, semakan kewangan, dan verifikasi hasil projek agar setiap dana yang dibelanjakan memberi pulangan optimum serta menepati objektif komuniti sasaran.

Pemantauan dilaksanakan melalui **laporan bulanan, audit luar**, serta **soal selidik ke atas peserta** (Bukti 5) sebagai asas penilaian. Dapatan menunjukkan lebih **93% peserta** berjaya mengaplikasikan teknologi akuaponik moden, manakala **86.7% peserta** mengesahkan peningkatan produktiviti berbanding kaedah tradisional.

Pemantauan turut diperkukuh melalui **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)** di mana pencapaian **Piagam Pelanggan Universiti** dibentangkan untuk tindakan susulan. Sekiranya terdapat kelemahan, ia akan dianalisis semula dalam **Bengkel Perancangan Strategik UiTMCSH** bersama semua pihak berkepentingan.

Pendekatan ini memastikan setiap inisiatif dipantau secara menyeluruh, **punca kegagalan dikenal pasti**, dan **tindakan penambahbaikan** dilaksanakan demi menjamin keberkesanan projek serta kejayaan strategi jangka panjang universiti.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20251\\_Bukti 1. 1.4.1.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20252\\_Bukti 2 1.4.1.pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20253\\_FLP 2.0 full report.pdf](#)
4. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20254\\_audit.pdf](#)
5. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20255\\_FLP 2.0 Analisa pelanggan.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan **UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH)** menekankan **pengurusan risiko secara holistik** bagi memastikan kejayaan inisiatif strategik. **Jawatankuasa Pengurusan Risiko UiTMCSH** bertanggungjawab menyediakan daftar risiko, menilai tahap risiko, mengesahkan langkah kawalan serta meluluskan pelan mitigasi di peringkat PTJ. Risiko berimpak tinggi dibawa ke **Tier Strategik** untuk perhatian Pengurusan Tertinggi (Bukti 1).

Mesyuarat jawatankuasa ini diadakan **tiga kali setahun**, di mana semakan semula risiko dibuat untuk memastikan status kekal relevan dengan keadaan semasa (Bukti 2). Proses ini turut dilaksanakan dalam **Bengkel SAP2024** dan mesyuarat projek komuniti (Bukti 3). Risiko dikategorikan kepada enam kumpulan utama iaitu: **Strategik, Kewangan, Perundangan, Reputasi, Operasi dan Projek**.

Sebagai contoh, **Projek Dapur HEP** mengenal pasti risiko operasi seperti **keracunan makanan, pencemaran silang, risiko tergelincir, dan kerosakan peralatan elektrik** (Bukti 4)

Bagi **Projek FLP-GAPS 2.0**, laporan pengurusan risiko telah mendokumentasikan risiko secara menyeluruh: (Bukti 5)

- **Risiko Operasi & Teknikal:** kematian lobster akibat kualiti air tidak stabil, kerosakan pam/penapis, dan kelemahan sistem akuaponik. Kawalan dilaksanakan melalui **SOP biosekuriti, penggunaan close system, pemasangan solar** serta kerjasama teknikal dengan **Bongawan Farm & Arbaah Sdn. Bhd.**
- **Risiko Kewangan & Kos:** kenaikan kos bahan pasca COVID-19, inflasi dan beban logistik. Mitigasi termasuk **modifikasi bajet, rundingan pukal, dan stok keselamatan.**
- **Risiko Sosial & Komitmen Peserta:** tahap komitmen rendah diatasi melalui **bimbingan berterusan, insentif prestasi, dan penglibatan peserta baharu.**
- **Risiko Pasaran:** permintaan tidak konsisten, ditangani melalui **rantaian pasaran OTG Café Bas MySET, kontrak borong, serta pemasaran digital.**
- **Risiko Luar Jangka:** bencana alam, gangguan elektrik, penyakit ternakan, kegagalan sistem total, dan krisis pasaran. Pelan kecemasan termasuk **penggunaan generator, kuarantin kolam, dan promosi intensif.**

Pendekatan ini membuktikan kepimpinan UiTMCSH bukan sahaja **mengenal pasti risiko**, malah **merangka pelan pencegahan dan pembetulan segera**. Melalui kawalan bersepadu ini, potensi kegagalan dapat diminimumkan, sekali gus menjamin **kelestarian dan kejayaan inisiatif strategik universiti**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20251\\_Bukti 6.4.2.1.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20252\\_Minit JK Risiko.pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20253\\_Bukti 6.4.2.2.pdf](#)
4. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20254\\_Laporan Risiko Dapur HEP.pdf](#)
5. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20255\\_DOKUMEN LAPORAN PENGURUSAN RISIKO PROJEK FLP-GAPS 2.0 \(1\).pdf](#)

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan penambahbaikan yang dilaksanakan konsisten dengan pencapaian **Petunjuk Prestasi (PI)** dan objektif dasar negara serta universiti, **Pengurusan Kanan UiTMCSH** telah menetapkan mekanisme kajian semula yang sistematik. Setiap **PTJ** diwajibkan mengemas kini pelaporan pencapaian strategik setiap **1–3 bulan** melalui sistem **UePMO** (Bukti 1). Data ini disemak oleh **Unit Perancangan Strategik (UPS)** bagi memastikan keselarasan dengan sasaran PI universiti (Bukti 2).

Sekiranya terdapat ketidakselarasan, PTJ melalui **PSTU** perlu berhubung segera dengan **Pengarah Peneraju atau Pemilik PI** untuk melaksanakan pembetulan. Langkah ini membolehkan cadangan penambahbaikan disepadukan secara berterusan agar kelemahan tahun sebelumnya tidak berulang. Sebagai contoh, **PJIM&A** yang bertanggungjawab terhadap PI komuniti perlu melaporkan pencapaian serta tindakan penambahbaikan melalui laporan **CNC** (Bukti 3). Hasil laporan ini digunakan untuk menyusun penambahbaikan pada suku tahun seterusnya dan tahun berikutnya. Bagi tahun 2024, PJIM&A telah mengambil langkah penambahbaikan dengan menganjurkan **bengkel khusus untuk ahli projek komuniti**.

Hasil semakan dan analisis seterusnya dibentangkan dalam **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)** dan **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)**. Mesyuarat ini berfungsi menilai keberkesanan tindakan penambahbaikan serta memastikan keselarasan dengan hala tuju strategik **UiTM2025, RMK-12, Malaysia MADANI** dan **Sabah Maju Jaya (SMJ)**.

Selain itu, UiTMCSH memperkukuh penambahbaikan melalui **Bengkel Perancangan Strategik** serta penggunaan instrumen sokongan seperti **Laporan Projek PRIME, Community Network Centre (CNC)** dan **Piagam Pelanggan Universiti**. Instrumen ini membantu menilai pencapaian PI bidang tumpuan secara menyeluruh.

Contoh jelas dapat dilihat melalui **Projek FLP-GAPS 2.0 Mesra Komuniti**, di bawah tajaan **Kementerian Kewangan** melalui Program **UniMADANI** dengan dana **RM60,000**. Projek ini bukan sahaja menepati aspirasi **Sabah Maju Jaya** dan **Sustainable Development Goals (SDG)**, malah menjadi bukti penambahbaikan strategik dalam pemeraksanaan komuniti melalui inovasi akuaponik moden. Kajian impak menunjukkan lebih **93% peserta** telah mengaplikasikan teknologi baharu dan **86.7%** meningkatkan produktiviti berbanding kaedah tradisional, sekali gus menyumbang kepada pencapaian PI yang ditetapkan.

**Kesimpulannya**, melalui pelaksanaan **mekanisme semakan, instrumen penilaian, serta pengukuhan projek strategik**, UiTMCSH berjaya memastikan pencapaian PI bidang tumpuan mencapai dan melepasi sasaran selama **lima tahun berturut-turut (2020–2024)** (Bukti 5). Kejayaan ini membuktikan bahawa penambahbaikan yang dilaksanakan bukan sahaja berkesan, malah selari dengan **dasar pembangunan negara dan universiti**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20251\\_PI REPORT UEPMO.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20252\\_PEMANTAUAN PROJEK SAP.pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20253\\_Laporan Pencapaian CNC \(BUKTI 4.2\).pdf](#)
4. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20254\\_Laporan penuh bagi Bengkel Pengisian Maklumat Jaringan Komuniti ke dalam Sistem Prime anjuran.docx \(1\).pdf](#)
5. [K0025\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20255\\_PI UiTMCSH.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan **UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH)** memastikan pembudayaan objektif dan pelan strategik bidang tumpuan dilaksanakan secara menyeluruh melalui integrasi dasar, strategi, mekanisme pemantauan, dan projek berimpak tinggi. Keseluruhan inisiatif ini diselaraskan dengan dasar nasional dan universiti iaitu **Enam Rukun Malaysia MADANI, RMK-12 (Tema 1 & 2), Lima Tema Strategik UiTM2025, Lonjakan Kedua PPPM, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), serta Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ)**. (Bukti 1)  
Penjajaran ini memastikan semua inisiatif UiTMCSH relevan dan memberi impak langsung kepada pelanggan.

Integrasi dipacu melalui **Model Quintuple Helix–5R**, yang menggabungkan lima subsistem – **Kerajaan, Komuniti, Industri, Universiti, dan Persekitaran** – dengan prinsip **Relation, Reduction, Reform, Return dan Resilience**. Model ini diterapkan melalui mesyuarat **JKEN, MKSP** dan **Bengkel Perancangan Strategik**, memastikan strategi universiti bukan sahaja difahami malah dihayati oleh semua PTJ, staf, pelajar, alumni dan komuniti.

Pelaksanaan dua projek mega menjadi bukti integrasi yang berjaya:

### FLP-GAPS 2.0 Mesra Komuniti

- **Kebolehan Jaringan:** Sasaran tahunan 50 jaringan telah melonjak kepada **1,137 jaringan pada 2024**, termasuk enam kolaborasi antarabangsa (University of the Ryukyus Jepun, UNTAN Indonesia, Chaohu University China, University of Waikato New Zealand, dan lain-lain). (Bukti 2)
- **Ekonomi & Sosial:** Pendapatan peserta B40 meningkat daripada **RM500 kepada RM1,200 sebulan** melalui teknologi akuaponik moden.
- **Inovasi:** Lima inovasi utama terhasil, termasuk **MMF-LAT 2.0 (hak cipta MyIPO), Deep Water Bore Technique, KOPKLUS**, dan **Usahasama Hibrid Islamik (UHIS)**. (Bukti 3)
- **Pengiktirafan:** Projek ini menerima **empat bintang projek berimpak tinggi, Anugerah Projek Pendayaan Sosio-ekonomi Terbaik (MeTIC)**, serta pengiktirafan antarabangsa melalui **Sakura Science Program di Okinawa Jepun**.(Bukti 2)
- **Ilmiah & Publikasi:** Penerbitan bab buku Springer Nature, artikel jurnal, pembentangan di **KAIB Brunei 2024** dan kolaborasi bersama delegasi **Ateneo De Manila University** membuktikan visibiliti global UiTMCSH.

### Dapur HEP 2.0©

- **Kebajikan Pelajar:** Lebih 70% pelajar B40 mendapat makanan percuma setiap hari, menyumbang kepada SDG 2 (Tiada Kelaparan), SDG 3 (Kesihatan Baik), SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), dan SDG 10 (Mengurangkan Ketidaksamaan). (Bukti 4)
- **Sumbangan Masyarakat:** Kempen “**1 staf, 1 kampil beras**” berjaya mengumpul **1,145 kampil (2022), 1,399 kampil (2023) dan 647 kampil (2024)** – melebihi sasaran 470 staf. (Bukti 4)
- **Tahap Kepuasan:** Kajian menunjukkan **73.2% pelajar menilai perkhidmatan Dapur HEP sebagai memuaskan/sangat memuaskan**. (Bukti 4)
- **Pengiktirafan:** Meraih **Anugerah KIK Inovasi Sosial (Kategori Penciptaan, Perak)**, serta mendapat pengiktirafan hak cipta **MyIPO**.
- **Replikasi:** Diadaptasi oleh **UiTM Shah Alam, UiTM Pulau Pinang, UiTM Pahang** serta **Sekolah Indonesia Kota Kinabalu**, membuktikan skalabiliti projek. (Bukti 4)

### Pencapaian PI & Sumber Manusia

UiTMCSH berjaya mencapai dan melepasi sasaran PI selama **lima tahun berturut-turut (2020–2024)**:

- **PI080 (Khidmat Kepakaran Alumni)**: 4–11 program setahun, melepasi sasaran.
- **PI076 (Pemindahan Ilmu/KTP)**: Pencapaian tertinggi 17 program pada 2020 & 2021, konsisten mencapai sasaran 2024.
- **PI028 (Kesukarelawan)**: Sasaran dicapai/melebihi 2021–2024.
- **PI077 (Dana luar)**: Pencapaian jauh lebih tinggi,

Selain itu, projek melibatkan lebih **118 staf** dan puluhan pelajar sebagai sukarelawan, sekali gus meningkatkan kepimpinan, kemahiran insaniah, dan kebolehpasaran graduan. (Bukti 5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_K01\\_KB05\\_20251\\_Bukti 1 1.5.pdf](#)
2. [K0025\\_K01\\_KB05\\_20252\\_Bukti 2 1.5.pdf](#)
3. [K0025\\_K01\\_KB05\\_20253\\_bukti 3 1.5.pdf](#)
4. [K0025\\_K01\\_KB05\\_20254\\_Bukti 4 .1.5.pdf](#)
5. [K0025\\_K01\\_KB05\\_20255\\_Bukti 5 1.5.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik adalah pendekatan sistematik UiTMCSH untuk mencapai KPI universiti khususnya bidang tumpuan iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Perancangan strategik ini telah dibangunkan selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025) (RMK-12), Pelan Strategik UiTM2025, Konsep Malaysia Madani, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM 2015 - 2025) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Sejalan dengan tema pelan strategik UiTM2025 iaitu Universiti Terkemuka Dunia (Globally Reowned University), pengurusan kanan UiTMCSH dengan Model Quintuple Helix 5R memastikan perancangan strategik ini mempunyai sinergi antara mahasiswa, staf akademik, pentadbir, alumni, pemegang taruh dan rakan industri melalui tiga proses utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Kepimpinan pengurusan kanan memastikan pengurusan strategik merangkumi tiga komponen iaitu memformulasi strategi, pelaksanaan strategik dan penilaian strategik. Memformulasi strategi didasarkan kepada misi, visi, objektif dan strategi yang dijana daripada pemantauan luaran dan dalaman organisasi. Dalam pelaksanaan strategik pula, program, bajet dan prosedur membantu organisasi bertindak mengikut halatuju dan aspirasi organisasi. Semasa proses pelaksanaan dan penilaian strategik, penilaian dan kawalan risiko turut dilakukan dalam usaha mewujudkan hasil terbaik seperti yang dikehendaki. Dua medium utama iaitu bengkel semak semula perancangan strategik dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) digunakan untuk proses perancangan di mana melibatkan beberapa faktor iaitu tema dan teras dalam RMK-12, Pelan Strategik UiTM2025, Konsep Malaysia Madani, PPPM 2015 -2025, dan SDG, maklum balas pemegang taruh seperti universiti, industri, kerajaan serta masyarakat. Faktor akhir adalah hasil analisis pencapaian petunjuk prestasi daripada bengkel semak semula perancangan strategik tahun 2024. Dua projek utama telah dipilih dalam mengerakkan inisiatif strategik dalam mencapai petunjuk prestasi dalam perancangan strategik; iaitu Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) dan Projek Dapur HEP. Pelaksanaan dan pencapaian setiap inisiatif telah dibentang dan dibincangkan dalam mesyuarat bahagian/unit/fakulti dan mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Dalam proses pelaksanaan, ia melibatkan empat bahagian utama iaitu Bengkel Perancangan Strategik, Pengurusan Tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ). Pemantauan dan penambahbaikan ke atas semua petunjuk prestasi telah dilaksanakan melalui tiga kaedah iaitu pelaporan pencapaian prestasi oleh PTJ, pembentangan pencapaian prestasi secara menyeluruh oleh penyelar UPS di mesyuarat MKSP dan bengkel semak semula Perancangan Strategik UiTMCSH.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCSH menggunakan **pendekatan sistematik** dengan **mengambil kira elemen inovasi dan penambahbaikan** di dalam proses perancangan strategik organisasi. Objektif dan inisiatif strategik yang dirancang pada awal tahun **diselaraskan dengan pelan strategik UiTM 2025** dan sejajar dengan tema strategik 2025 iaitu Universiti Terkemuka Dunia (Globally Renowned University).

Bidang tumpuan UiTMCSH adalah Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, Jadual 2.1.1(Bukti 1) menunjukkan objektif utama, inisiatif strategik, petunjuk prestasi, pencapaian dan projek berkaitan bidang tumpuan tahun 2024 yang telah menjadi panduan dan sasaran di bawah Bahagian PJIM&A dan Bahagian HEP.

**Pembangunan Objektif utama dan inisiatif strategik** dalam perancangan strategik UiTMCSH mengikut bidang tumpuan telah **diselaraskan dengan tema 1 (menjana semula ekonomi) dan tema 2 (memperkuh keselamatan, kesejahteraan dan Inklusiviti) dalam RMK-12** (Jadual 2.1.2 :Bukti 1). Dalam mencapai objektif utama ini 2 inisiatif strategik telah ditetapkan iaitu Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dan Program Pemindahan Ilmu (KTP). Petunjuk prestasi untuk objektif utama ini ditunjukkan dalam Jadual 2.1.1(Bukti 1). **Bahagian PJIM&A dan Bahagian HEP** telah mengambil inisiatif dengan **membangun dan melaksanakan pelan tindakan** untuk mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.1.3 (Bukti 2). Bagi memastikan **petunjuk prestasi ini tercapai**, dua projek utama telah dikenalpasti iaitu **Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)** dan **Projek Dapur HEP**. (Bukti 3: Kelulusan SIG/Projek FLP-GAPS). (Bukti 3: MyIPO Dapur HEP).

Rajah 2.1.1 (Bukti 4) menunjukkan proses **pembangunan Objektif Utama dan Inisiatif Strategik** dalam Perancangan Strategik UiTMCSH, di mana ia melibatkan **tiga proses utama** iaitu **perancangan, pelaksanaan dan pemantauan**. Proses **perancangan** melibatkan beberapa faktor iaitu tema dalam **RMK-12, Pelan Strategik UiTM2025 , Konsep Sabah Maju Jaya, PPPM 2015 -2025 dan Model Quintuple Helix 5R, dan maklum balas pemegang taruh** seperti universiti, industri, kerajaan serta masyarakat dan hasil **analisis pencapaian petunjuk prestasi** daripada Taklimat Pencapaian petunjuk prestasi Perancangan Strategik tahun 2023 dan proses perancangan juga mengambil kira Model Quintuple Helix 5R dan pelan pembangunan Negeri Sabah di bawah hala tuju Sabah Maju Jaya.

Seiring dengan 6 teras utama konsep **Malaysia Madani**, , inisiatif strategik telah dirancang secara sistematik dengan **adaptasi elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan melalui Model Quintuple Helix 5R (Relation, Reduction, Reform, Return, Resilience)** yang menitikberatkan pelaksanaan proses pemindahan ilmu yang lebih praktikal dan berimpak menerusi gabungan subsistem iaitu universiti, industri, komuniti dan persekitaran sosioekologi. **Model Quintuple Helix 5R** memberi perhatian terhadap **jalanan strategik/pintar** (Relation), memfokus dalam **pengoptimum sumber dan alternatif kos efektif** (Reduction), menekankan **gerak kerja inovatif dan kreatif** (Reform), menitikberatkan **penjana pendapatan** (Return) dan menjadi ampuh daripada segi jati diri, pesona, semangat kerja dan berdaya maju.

**Projek FLP-GAPS** telah membantu dalam **melonjakkan pertumbuhan industri** strategik dan berimpak tinggi di samping menjadi pemangkin dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi seperti yang termaktub dalam tema 1 RMK-12. **Projek Dapur HEP 2.0** sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 2 (SDG-2) iaitu zero hunger. Projek FLP-GAPS dan projek Dapur HEP ini **menepati tema 2 RMK-12 iaitu memperkuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2021-2025** dalam menggerakkan pembangunan ekonomi, sosial dan kesejahteraan rakyat Sabah. (Bukti 5)

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_P01\\_PB02\\_20251\\_K2 Bukti 1 Approach.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB02\\_20252\\_K2 Bukti 2 Approach.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB02\\_20253\\_K2 Bukti 3 Approach.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB02\\_20254\\_K2 Bukti 4 Approach.pdf](#)
5. [K0025\\_P01\\_PB02\\_20255\\_K2 Bukti 5 Approach.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

**Pembangunan, pelaksanaan dan pencapaian** pelan strategik kampus dan universiti dalam perancangan strategik UiTMCSH telah **diperluas keseluruhan PTJ** khususnya dan **keseluruhan sistem UiTM** amnya melalui **mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri UiTMCSH, Mesyuarat Akademik, mesyuarat bahagian/unit/Fakulti** (Bukti 1) dan **hebahan laman sesawang UiTMCSH**.

**Pelaksanaan** perancangan strategik UiTMCSH adalah **berkesan dan meluas** kepada seluruh warga UiTMCSH. Pelaksanaan dan pencapaian setiap inisiatif telah **dibentang dan dibincangkan** di **mesyuarat bahagian/unit, mesyuarat pentadbir akademik dan mesyuarat fakulti**, malah pelaksanaan dan pencapaian dalam perancangan strategik ini telah menjadi agenda tetap di dalam **mesyuarat Kaji Semula Pengurusan** (Bukti 1).

Untuk memastikan semua inisiatif strategik dan projek SAP2024 dapat dijalankan secara sistematik dan bersinergi, Unit Perancangan Strategik UiTMCSH (UPS) telah melaksanakan mesyuarat perancangan strategik mengikut sukuan/fasa dan menghasilkan **Carta Alir Pelan Inisiatif Strategik UiTMCSH (PIS)** (Bukti 2). Carta alir ini telah **mengambil kira elemen perkongsian pengetahuan** yang merangkumi maklumat petunjuk prestasi yang diamanahkan pada tahun semasa dan juga **langkah-langkah sistematik** di dalam 3 proses utama perancangan strategik organisasi iaitu **Perancangan, Pelaksanaan dan Pemantauan**.

Merujuk carta alir PIS, proses pelaksanaan dan pemantauan petunjuk prestasi perancangan strategik adalah dibawah PTJ yang terpilih. Seiring dengan bidang tumpuan, selaku pusat yang bertanggungjawab Bahagian PJIM&A dan Bahagian HEP proaktif dalam merancang pelaksanaan inisiatif strategik dalam mencapai petunjuk prestasi yang telah ditetapkan.

Perbincangan petunjuk prestasi (PI) telah diselaraskan oleh penyelararas UPS semasa Bengkel Perancangan Strategik (Bukti 3) yang telah dihadiri pihak pengurusan tertinggi UiTMCSH dan semua PTJ. **Pelaksanaan** untuk mencapai petunjuk prestasi adalah dibawah PTJ yang terpilih. Dalam bidang tumpuan yang dipilih, pelaksanaan setiap inisiatif strategik dibawah Projek **FLP-GAPS** dikelola dan diselia oleh **Special Interest Group (SIG) ToCoDes** dan **Projek Dapur HEP** dijalankan oleh **Bahagian HEP**. Untuk memastikan kelestarian Projek FLP-GAPS, operasi projek diurus oleh dua entiti iaitu Koperasi dan start-up company ToCodes Legacy Sdn Bhd. Manakala projek Dapur HEP dilaksanakan dibawah tanggungjawab Bahagian HEP.

Projek FLP-GAPS membantu mencapai objektif strategi dalam perancangan strategi melalui tanggungjawab sosial universiti (USR) dan program pemindahan ilmu (KTP) dengan memfokus kepada penternakan Lobster Air Tawar (LAT) dan telah dilaksanakan di enam kawasan iaitu Kg. Shahbandar, Kg. Kayu Madang, Kg. Ratau, Kg. Bantayan, Kg. Muhibbah dan Kg. Duvanson. Pelaksanaan projek ini terdiri daripada lima fasa seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.2.1 (Bukti 4)

Projek Dapur HEP dilaksanakan di bawah Bahagian HEP dan model Dapur HEP telah didaftarkan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) (Bukti 5). Inisiatif strategik di bawah projek ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu tanggungjawab sosial Universiti (USR) dan projek pemindahan ilmu (KTP). Projek ini dijalankan di ketiga-tiga kolej kediaman di UiTMCSH dengan bantuan Staf Unit Residensi & Hospitaliti Pelajar (URHP), Staf Residen Kolej (SRK) dan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPK). Dalam memastikan kelancaran pelaksanaan Dapur HEP, Bahagian HEP telah mewujudkan Tabung Dapur HEP dan Food Bank disamping melaksanakan kempen 1 staf 1 kampil beras. Mekanisma pelaksanaan Dapur HEP dikategorikan kepada tiga proses utama iaitu inventori, pengoperasian dan pemantauan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.2.1. (Bukti 5)

UiTMCSH merupakan perintis Model Projek Dapur HEP dan ia telah diperluas di luar UiTMCSH contohnya telah digunapakai UiTM Cawangan Perak dan UiTM Cawangan Sarawak. (Bukti 5)

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_P01\\_PB03\\_20251\\_K2 Bukti 1 Deployment.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB03\\_20252\\_K2 Bukti 2 Deployment.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB03\\_20253\\_K2 Bukti 3 Deployment.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB03\\_20254\\_K2 Bukti 4 Deployment.pdf](#)
5. [K0025\\_P01\\_PB03\\_20255\\_K2 Bukti 5 Deployment.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

#### **Pelaksanaan Pelan Pemantauan (Check: Learning)**

**Pemantauan pencapaian Pelan Strategik (PS)** dilaksanakan secara holistik oleh **Unit Perancangan Strategik (UPS) UiTM CSH** melalui kerjasama pengurusan atasan, Ketua PTJ, Koordinator Program (KP), dan Pengarah Projek SAP. Sekiranya pencapaian tidak mencapai sasaran, UPS mengenal pasti punca dan **meluluskan intervensi** yang dibentangkan dalam Mesyuarat JKEN bulanan. Hasilnya, **pencapaian keseluruhan meningkat** daripada 4-STAR kepada 6-STAR, dengan I-Score UiTM mencapai **86.4% pada 2024** (Bukti: 2.4.1.1 PI Report UePMO).

#### **a. Pemantauan oleh Pengurusan Tertinggi (JKEN)**

**JKEN** menjadi platform utama **pemantauan dan pembentangan pencapaian inisiatif strategik**. PSTU menyemak data dalam sistem UePMO dan menghantar laporan kepada Rektor untuk pengesahan antara 15–17hb setiap bulan (Bukti: 2.4.1.2). Laporan prestasi PTJ dibentang secara bulanan, **merangkumi status projek, pencapaian indikator dan cabaran**. Maklum balas Rektor dan Ketua PTJ menjadi **asas penambahbaikan**. Pemantauan ini selaras dengan hala tuju Strategic Trust UiTM dan aspirasi UiTM2025.

#### **b. Pemantauan Projek SAP melalui UiSMS**

PIC atau Pengarah Projek **mengemas kini aktiviti SAP2024** dalam UiSMS antara 1–4hb setiap bulan (Bukti: 2.4.1.3). Projek utama seperti **FLP-GAPS 2.0** dan **Dapur HEP 2.0©** dipantau secara bulanan. Sebanyak 11 projek SAP direkodkan dan dikemas kini mengikut garis masa BTU. **Bengkel Strategic Action Plan (SAP)** diadakan untuk memperkukuh kefahaman pelaporan. Perbandingan antara pencapaian semasa dan sasaran membolehkan **pengesahan awal isu pelaksanaan** (Bukti: 2.4.1.4).

#### **c. Pemantauan Berkala oleh PSTU**

PSTU melaksanakan **pemantauan melalui sesi pembentangan pencapaian tiga kali setahun** serta memberi **peringatan bulanan melalui emel** dan WhatsApp rasmi UPS (Bukti: 2.4.1.5). Sesi ini dihadiri oleh kumpulan sasar iaitu pihak pengurusan tertinggi, KP, KPP dan pengarah projek (Bukti: 2.4.1.6). Data daripada UePMO dan Power BI digunakan untuk menilai prestasi secara terperinci, dengan zon prestasi (Merah, Kuning, Hijau) sebagai indikator tindakan pembetulan.

#### **d. Penilaian Menyeluruh melalui MKSP**

MKSP diadakan dua kali setahun untuk **menilai keselarasan inisiatif strategik** PJIMA dengan halatuju universiti. Penilaian merangkumi indikator, garis masa, risiko dan pelan mitigasi, membolehkan **strategi penambahbaikan jangka pendek dan jangka anjang dirangka**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20251\\_Bukti\\_2.4.1.1\\_CARTA\\_ALIR\\_PELAPORAN\\_BULANAN.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20252\\_Bukti\\_2.4.1.2\\_PI\\_REPORT\\_UEPMO.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20253\\_Bukti\\_2.4.1.3\\_SISTEM\\_UiSMS.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20254\\_Bukti\\_2.4.1.4\\_PEMANTAUAN\\_PROJEK\\_SAP.pdf](#)
5. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20255\\_Bukti\\_2.4.1.5\\_PERINGATAN\\_EMEL\\_PTJ.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

### **Pengurusan Risiko Pelan Strategik UiTM Cawangan Sabah**

UiTM Cawangan Sabah (CSH) telah **melaksanakan pendekatan pengurusan risiko yang sistematik** dan berfokus bagi memastikan kejayaan pelaksanaan **inisiatif strategik PJIMA** selaras dengan **pencapaian i-Score dan Objektif Kualiti** Universiti. **Risiko-risiko utama** telah dikategorikan kepada tiga bahagian institusi: **operasi, tadbir urus, dan reputasi**. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong **keberkesanan pelaksanaan projek**, malah memperkukuh keyakinan komuniti terhadap keupayaan kampus sebagai pemacu pembangunan wilayah.

**Mesyuarat Pengurusan Risiko** dilaksanakan secara suku tahunan bagi mengenal pasti, mengemaskini, dan **menilai tahap risiko setiap projek inisiatif strategik**. **Risiko diklasifikasikan** mengikut jenis, perihalan, kebarangkalian impak, tahap risiko, serta pelan mitigasi yang dirangka secara teliti. Antara **contoh risiko** yang dikenal pasti termasuk kadar kematian lobster yang tinggi, kelewatan pembinaan kolam ternakan, kelemahan dalam pelaporan projek, serta potensi kehilangan kepercayaan daripada komuniti dan rakan industri. (Bukti 2.5.1.1).

### **Kaedah pengurusan risiko merangkumi lima langkah utama:**

1. **Pengenalpastian Risiko** melalui triangulasi data seperti laporan tapak, KPI projek, dan analisis teknikal parameter akuakultur.
2. **Analisis Punca secara objektif** melalui audit visual, pengukuran saintifik (pH, ammonia, nitrat), dan semakan log operasi.
3. **Perancangan Kawalan** melibatkan pematuhan SOP hatcheri dan kolam, penggunaan sistem tertutup (RAS), kerjasama teknikal melalui LOI, serta strategi pasaran yang stabil.
4. **Tindakan Segera** dilaksanakan bagi mengelak impak berpanjangan, termasuk penyesuaian proses kerja, pembaikan sistem, dan pengukuhan promosi produk.
5. **Penetapan PIC bagi setiap risiko**, memastikan akauntabiliti dan tindakan susulan yang konsisten.

**Pendekatan ini telah meningkatkan kecekapan operasi**, memperkukuh tadbir urus projek, dan mengekalkan reputasi institusi di mata komuniti serta rakan strategik.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20251\\_Bukti 2.4.2.1 LAPORAN PENGURUSAN RISIKO TOCODES.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20252\\_Bukti 2.4.2.2 LAPORAN PENGURUSAN RISIKO TOCODES - PART 2.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20253\\_BUKTI 2.4.2.3 LAPORAN RISIKO DAPUR HEP 2.0.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20254\\_BUKTI 2.4.2.4 LANGKAH PENGENDALIAN MAKANAN.pdf](#)
5. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20255\\_BUKTI 2.4.2.5 ETIKA PENGGUNAAN DAPUR HEP 2.0.pdf](#)

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fasa ini bertujuan **memastikan sistem pengurusan risiko kekal relevan**, responsif, dan berkesan terhadap **perubahan operasi serta cabaran semasa**. Kajian semula dilaksanakan secara sistematik bagi mengenal pasti ruang **penambahbaikan dan mengukuhkan keberkesanan intervensi** terdahulu.

#### Kekerapan Berkala

**Kajian semula dijalankan** mengikut jadual tetap, sama ada secara bulanan atau suku tahunan, bergantung kepada **tahap kritikal risiko dan keperluan operasi**. Tujuannya adalah untuk **menilai keberkesanan tindakan kawalan**, mengenal pasti isu berulang, dan mengemukakan cadangan **penambahbaikan secara proaktif**.

#### Pendokumentasian (Diminitkan)

**Semua dapatan, keputusan, dan cadangan penambahbaikan direkodkan secara rasmi dalam minit mesyuarat teknikal atau laporan audit dalaman**. Rekod ini menjadi rujukan penting bagi pemantauan berterusan, penilaian impak, dan penyediaan bukti semasa proses verifikasi AKNC.

#### Tindakan Penambahbaikan Bidang Tumpuan - FLP-GAPS 2.0

##### Inisiatif

##### a. Penghasilan Food Supplement MMF/MFF

Formulasi makanan tambahan berasaskan bahan semula jadi untuk meningkatkan sistem imun lobster, mengurangkan kadar kematian dan meningkatkan daya tahan terhadap penyakit air. Kualiti hasil ternakan meningkat, pengurangan kos rawatan, dan peningkatan pulangan hasil.

##### b. Penubuhan OTG Cafe Bas

Pembangunan saluran pasaran langsung melalui kafe bergerak (bas) yang menjual produk berasaskan lobster secara terus kepada pengguna. Pengukuhan jenama, peningkatan margin keuntungan, dan pengurangan kebergantungan kepada perantara.

##### c. Penambahan Peserta Komuniti

Peluasan penyertaan komuniti melalui sesi bimbingan, promosi dan latihan teknikal bagi meningkatkan pemilikan dan keterlibatan tempatan. Peningkatan impak sosial, pemeraksanaan komuniti, dan kelestarian projek.

##### d. Modifikasi Reka Bentuk Bangunan

Penyesuaian struktur bangunan di enam lokasi bagi mengurangkan kos operasi seperti penggunaan tenaga, penyelenggaraan dan ruang kerja. Penjimatan kos jangka panjang, peningkatan kecekapan operasi, dan kesesuaian reka bentuk dengan konteks tempatan.

#### Tindakan Penambahbaikan Bidang Tumpuan

**Projek FLP-GAPS 2.0** merupakan **inisiatif komuniti** yang menyasarkan **pencapaian indikator PI077** – Total amount received (from external) for USR and KTP programme.

- Sasaran: RM62,904
- Q2 2024: 0%
- Q3 2024: RM10,000
- Q4 2024: RM62,904 (100% tercapai)
- Tindakan Penambahbaikan:

- Inovasi pasaran melalui OTG Cafe
- Penambahan peserta komuniti
- Pengukuhan rantaian bekalan dan promosi

Projek ini turut merangkumi aktiviti berimpak seperti Pengumpulan Data Awalan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) di Daerah Tuaran.

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20251\\_Bukti 2.4.3 KEJAYAAN TOCODES.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20252\\_BUKTI 2.4.3.2 PENARAFAN BINTANG FLP GAPS 2.0.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20253\\_2.4.3.3. PENAMBAHBAIKAN - DAPUR HEP 2.0.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20254\\_2.4.3.4 PENAMBAHBAIKAN - PANDUAN MAKANAN SIHAT DAPUR HEP 2.0.pdf](#)
5. [K0025\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20255\\_BUKTI 2.4.3.5 PENCAPAIAN PRESTASI UNIVERSITI - PI077.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bahagian PJIMA melalui SIG Tocodes melaksanakan **proses integrasi PS** secara menyeluruh, merentas pelbagai dimensi di kalangan komuniti, industri, teknologi, dan keusahawanan pelajar. **Integrasi ini bukan sahaja memperkukuh pelaksanaan projek memberi berimpak kepada komuniti**, malah menjadikan UiTM Cawangan Sabah sebagai **pemacu pembangunan wilayah Borneo dan berdaya saing**.

### Kaedah Integrasi PS

#### a. Rangkaian Pasaran Komuniti & Industri

Bahagian PJIMA telah **membangunkan ekosistem pasaran** yang menyeluruh bagi menyokong kelangsungan projek **FLP-GAPS 2.0** dan **Dapur HEP 2.0**©.

- OTG Cafe Bas MySET berfungsi sebagai saluran pasaran utama bagi produk lobster air tawar dan makanan pelajar. Ia bukan sahaja menjadi platform jualan, tetapi juga **ruang latihan keusahawanan** dan branding produk.
- **Kolaborasi strategik** dengan Arbaah Sdn Bhd dan Bongawan Farm membolehkan pemindahan teknologi, sokongan teknikal, dan akses kepada pasaran luar.
- Penyertaan vendor tempatan dan koperasi komuniti dalam rantai bekalan **memperkukuh keterlibatan industri** dan **memperluas capaian pasaran**.

#### b. Pengembangan Infrastruktur Kolam & Hatcheri

Bahagian PJIMA telah **melaksanakan pengembangan fizikal yang bersasar** untuk menyokong pertumbuhan **projek berimpak**:

- Pembinaan kolam dan hatcheri baharu di lokasi seperti Tuaran, Bongawan, dan kawasan komuniti luar bandar yang dikenal pasti melalui kajian PROSPEK.
- Reka bentuk modular dan kos rendah digunakan untuk memastikan kebolehlaksanaan di pelbagai lokasi, termasuk kawasan berisiko banjir.
- Sistem tertutup (*closed system*) diperkenalkan untuk kawalan kualiti air dan pengurangan kadar kematian lobster.
- SOP hatcheri dan kolam dipertingkatkan berdasarkan audit teknikal dan maklum balas peserta.

#### c. Latihan Berkala & Bimbingan Peserta Komuniti

Bahagian PJIMA **menekankan pemerksaan komuniti** sebagai **teras integrasi**:

- **Sesi latihan teknikal dan keusahawanan** dilaksanakan secara berkala, melibatkan pakar industri, pensyarah, dan alumni.
- **Modul latihan** merangkumi pengurusan hatcheri, pemasaran digital, pengurusan kewangan mikro, dan pematuhan halal.
- **Sesi bimbingan berterusan** disediakan kepada peserta baharu dan sedia ada, termasuk pelajar B40 dan komuniti luar bandar.
- **Pemantauan prestasi peserta** dilakukan melalui sistem pelaporan dan lawatan tapak oleh pegawai PJIMA.

#### d. Penubuhan SPV: Koperasi Usahawan Lobster Sabah Berhad

Bagi memastikan **kelestarian projek dan pemilikan komuniti**, PJIMA telah menubuhkan

Koperasi Pembangunan Komuniti Usahawan Lobster Sabah Berau sebagai *Special Purpose Vehicle (SPV)*:

- Koperasi ini menguruskan operasi pengeluaran, pemasaran, dan kewangan projek **FLP-GAPS 2.0**.
- Ia berfungsi sebagai entiti perniagaan yang sah, membolehkan akses kepada geran, pelaburan, dan pembiayaan mikro.
- Ahli koperasi terdiri daripada peserta komuniti, alumni, dan wakil industri, menjadikan ia model pemerkasaan ekonomi setempat.
- Koperasi juga berperanan sebagai platform latihan dan inkubasi keusahawanan agroindustri.

#### **e. Penerokaan Peluang Baharu & Perundingan Projek**

Bahagian PJIMA turut meneroka peluang baharu untuk memperluas impak projek:

- **Perundingan projek** dengan agensi seperti SLDB, ANGKASA, dan FELCRA untuk replikasi model **FLP-GAPS 2.0** di kawasan lain.
- Permohonan geran dan pelaburan dilakukan secara aktif melalui platform MyGrant dan kerjasama dengan Unit Penjana Dana UiTM.
- Pembangunan produk hiliran seperti lobster paste, frozen packs, dan makanan berasaskan lobster untuk pasaran runcit dan eksport.
- Penyertaan dalam pameran dan ekspo seperti MAHA dan Sabah AgroFest untuk memperkenalkan produk kepada pasaran nasional.

#### **f. Inovasi Teknologi dalam Pelaksanaan**

**Integrasi teknologi** menjadi pemacu utama **keberkesanan projek**:

- Penggunaan IoT untuk pemantauan parameter air seperti suhu, pH, dan oksigen terlarut secara masa nyata.
- Sistem RAS (Recirculating Aquaculture System) diperkenalkan untuk meningkatkan pengeluaran dan penjimatan air.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_P01\\_PB05\\_20251\\_Bukti 2.5.1 LAPORAN PENGURUSAN RISIKO TOCODES - INTEGRASI.pdf](#)
2. [K0025\\_P01\\_PB05\\_20252\\_BUKTI 2.5.2 - INTEGRASI JARINGAN KOMUNITI.pdf](#)
3. [K0025\\_P01\\_PB05\\_20253\\_BUKTI 2.5.3 INTEGRASI - MANFAAT KEPADA KOMUNITI.pdf](#)
4. [K0025\\_P01\\_PB05\\_20254\\_BUKTI 2.5.4 INTEGRASI - IMPAK PELAKSANAAN PROJEK.pdf](#)
5. [K0025\\_P01\\_PB05\\_20255\\_BUKTI 2.5.5 INTEGRASI - PEMINDAHAN ILMU DAN TEKNOLOGI.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelaksanaan bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** di **UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH)** berasaskan pendekatan **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** yang sistematik bagi memastikan impak maksimum kepada pelanggan.

#### **Plan (Perancangan):**

UiTMCSH melalui **Piagam Pelanggan** serta pendekatan **Quintuple Helix–5R** mengenal pasti pelanggan utama iaitu pelajar, staf, alumni, komuniti B40, industri dan kerajaan. Perancangan strategik diselaraskan dengan **Enam Rukun Malaysia MADANI, Tema 1 & Tema 2 RMK-12, Lima Tema Strategik Pelan Strategik UiTM2025, Lonjakan Kedua PPPM, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), serta Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ)**. Data dikumpul menerusi **Sistem Smart, PRIME** dan **borang maklum balas**, kemudian dianalisis dalam **Bengkel Perancangan Strategik**. Hasilnya, dua projek mega dipilih sebagai pemacu strategik iaitu **Projek Freshwater Lobster Production–Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS 2.0)** dan **Projek Dapur HEP 2.0©**.

#### **Do (Pelaksanaan):**

Projek **FLP-GAPS 2.0** digerakkan oleh **SIG-ToCoDeS** melalui koperasi **KOPKLUS** dan start-up **ToCoDeS Legacy Sdn. Bhd.** dengan dana **UniMADANI (MOF)**. Projek ini menggabungkan ternakan lobster air tawar dengan tanaman kontan berasaskan sistem akuaponik moden yang mesra alam, sekaligus memberi peluang pekerjaan dan menjana pendapatan tambahan isi rumah B40 (daripada RM500 kepada RM1,200 sebulan).

Projek **Dapur HEP 2.0©** pula memastikan kebajikan lebih **70% pelajar B40** melalui penyediaan makanan percuma dua kali sehari. Inisiatif ini dibiayai melalui dana alumni, kerajaan dan komuniti setempat, sekali gus membuktikan keberkesanan kerjasama rentas heliks.

#### **Check (Pemantauan):**

Pemantauan berterusan dilaksanakan melalui laporan **MKSP, mesyuarat eksekutif** serta mekanisme **maklum balas pelanggan**. Bagi FLP-GAPS 2.0, laporan risiko mengenal pasti cabaran teknikal, kewangan dan pasaran serta menyediakan **matriks risiko kecemasan** (bencana alam, wabak, gangguan elektrik). Setiap risiko mempunyai PIC khusus dan tindakan pembetulan segera termasuk **kerjasama teknikal (LOI Arbaah & Bongawan Farm)**, penghasilan **suplemen lobster (MMF/MFF)**, serta penubuhan **OTG Café** sebagai rangkaian pasaran baharu.

#### **Act (Penambahbaikan):**

Maklum balas pelanggan dimanfaatkan untuk inovasi baharu seperti **sistem close aquaponik, Deep Water Bore Technique**, serta **model Usahasama Hibrid Islamik (UHIS)**. Projek Dapur HEP memperkenalkan sistem kutipan sumbangan digital melalui **UiTMPay**, memperoleh **Anugerah KIK Inovasi Sosial**, dan kini direplikasi ke kampus UiTM lain serta **Sekolah Indonesia Kota Kinabalu (SIKK)**.

#### **Kesimpulan:**

Secara keseluruhan, kedua-dua projek mega ini bukan sahaja menepati objektif **Enam Rukun Malaysia MADANI, RMK-12 (Tema 1 & Tema 2), Lima Tema Strategik UiTM2025, Lonjakan Kedua PPPM, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), dan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ)**, tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi hijau, kesejahteraan sosial dan pembangunan modal insan. Pendekatan integratif ini membuktikan UiTMCSH berjaya membudayakan strategi PDCA berimpak tinggi dengan keberhasilan yang diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCSH mempunyai **Piagam Pelanggan** sebagai rujukan utama untuk mengenal pasti kumpulan sasaran dalam bidang Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Piagam ini menyenaraikan tanggungjawab UiTMCSH kepada pelanggan utama iaitu pelajar, staf, ibu bapa, industri, masyarakat, serta pihak berkepentingan lain yang terlibat dalam projek komuniti dan kesukarelawan (Bukti 1).

Bagi menambah baik pelaksanaan piagam, UiTMCSH memperkenalkan **pendekatan Quintuple Helix-5R** yang mengutamakan hubungan lima subsistem – kerajaan, komuniti, industri, universiti, dan persekitaran. Dua projek mega, **FLP-GAPS 2.0 Mesra Komuniti** dan **Dapur HEP 2.0©**, menjadi contoh utama kolaborasi erat UiTMCSH dengan pelanggan. (Bukti 2)

Prinsip 5R dalam Projek

- **Relation** – FLP-GAPS 2.0 menjalin jaringan pintar dengan industri (Bongawan Farm, Arbaah Sdn. Bhd.), kerajaan (MOF-UniMADANI) dan komuniti B40. Dapur HEP 2.0© mengukuhkan hubungan dengan alumni, staf, NGO dan komuniti melalui dana serta sukarelawan pelajar.
- **Reduction** – FLP-GAPS 2.0 mengurangkan kos operasi dengan tenaga solar, sistem close aquaponic dan kitar semula air. Dapur HEP 2.0© pula mengurangkan beban sara hidup pelajar melalui penyediaan makanan percuma.
- **Reform** – FLP-GAPS 2.0 memperkenalkan inovasi MMF-LAT 2.0 (MyIPO) dan teknik Deep Water Bore. Dapur HEP 2.0© merombak kaedah kebajikan dengan sistem sukarelawan pelajar dan platform UiTMPay.
- **Return** – FLP-GAPS 2.0 memberi pulangan ekonomi kepada komuniti B40 melalui jualan lobster dan sayuran (unjuran tambahan RM2,000 sebulan). Dapur HEP 2.0© memberi pulangan sosial & akademik; lebih 70% pelajar B40 mendapat manfaat.
- **Resilience** – FLP-GAPS 2.0 membina daya tahan komuniti melalui latihan keusahawanan, koperasi KOPKLUS serta akses pasaran OTG Café. Dapur HEP 2.0© pula lestari melalui replikasi ke UiTM Shah Alam, Pulau Pinang, Pahang dan Sekolah Indonesia Kota Kinabalu.

Pelanggan Projek

**FLP-GAPS 2.0 Mesra Komuniti:** (Bukti 3)

- Penerima manfaat – komuniti B40 (keluarga, belia, suri rumah, pesara, OKU) serta pelajar UiTMCSH sebagai pelatih & penyelidik.
- Pelaksana & rakan strategik – SIG-ToCoDeS UiTMCSH, KOPKLUS, ToCoDeS Legacy, Bongawan Farm, Arbaah Sdn. Bhd.
- Pemberi dana & polisi – Kementerian Kewangan (UniMADANI, RM60,000), Kerajaan Negeri Sabah, agensi berkaitan.

**Dapur HEP 2.0©:** (Bukti 5)

- Penerima manfaat – pelajar B40 UiTMCSH (>70% menerima makanan percuma).
- Pelaksana & rakan strategik – Bahagian HEP UiTMCSH, sukarelawan pelajar, Unit Korporat.
- Pemberi dana & sumbangan – Alumni UiTMCSH, staf (“1 staf, 1 kampil beras”), NGO & komuniti, agensi kerajaan/CSR.

Analisis & Penambahbaikan

Maklumat pelanggan dikumpul melalui Sistem Smart, Borang Maklum Balas dan Sistem PRIME (Bukti 3). Data ini dianalisis dan dilapor dalam **LAPORAN ANALISA ADUAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN UiTM CAWANGAN SABAH 2024** (Bukti 4), yang mengandungi penilaian serta cadangan penambahbaikan, analisa ini lakukan 2 kali setahun yang melibatkan semua maklum balas dari Pelanggan dan pemegang taruh UiTMCSH. Laporan dibincang dalam Mesyuarat MKSP untuk dirumuskan sebagai tindakan strategik.

Selain itu, hasil analisis pelanggan mencetuskan inovasi. **FLP-GAPS 2.0** menghasilkan inovasi teknikal & sosial, manakala **Dapur HEP 2.0** memperkenalkan sistem sukarelawan pelajar yang menjamin kelestarian projek kebajikan.

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_T01\\_TB02\\_20251\\_piagam\\_pelangan\\_UiTMCSH\\_1.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB02\\_20252\\_Bukti\\_2\\_3.2.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB02\\_20253\\_Bukti\\_3\\_3.2.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB02\\_20254\\_LAPORAN\\_ANALISA\\_ADUAN\\_DAN\\_MAKLUM\\_BALAS\\_PELANGGAN\\_UiTM\\_CAWANGAN\\_SABAH\\_2024.pdf](#)
5. [K0025\\_T01\\_TB02\\_20255\\_bilang\\_pelajar.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCSH memastikan **pengurusan pelanggan** dilaksanakan melalui **sistem data rasmi universiti** seperti **PRIME, Smart dan SiMS** yang berfungsi untuk **mengumpul, menyimpan dan mengenal pasti pelanggan utama**. Dalam pelaksanaan projek bidang tumpuan, **kumpulan sasar** bukan sahaja dikenal pasti sebagai **penerima manfaat**, tetapi turut dilibatkan sebagai **pelaksana, sukarelawan, penyumbang dana dan rakan strategik**, menjadikan penglibatan mereka lebih bermakna dan berimpak tinggi.

Pengurusan Kanan UiTMCSH melaksanakan **pengurusan pelanggan secara sistematik** berasaskan **Piagam Pelanggan UiTMCSH** dan **Garis Panduan Jaringan Komuniti UiTM**. **Data pelanggan dikumpul** melalui **PRIME, Smart, aplikasi kod QR, soal selidik, temu bual lapangan, serta borang maklum balas**. Bagi pelanggan pelajar, **data dikenal pasti melalui SiMS (Bukti 1)** yang merekodkan latar belakang sosioekonomi termasuk status B40. Semua maklumat **disimpan dalam pangkalan data rasmi universiti** sebagai rujukan untuk verifikasi, pemantauan dan analisis projek.

#### **Penglibatan Kumpulan Sasar dalam Projek FLP-GAPS 2.0 Mesra Komuniti**

Bagi projek ini, **data komuniti B40** (suri rumah, pesara, belia, OKU) **dikenal pasti melalui kajian selidik dan temu bual di Kg. Kayu Madang**. Seramai **15 peserta** disaring dan didaftarkan dalam **PRIME (Bukti 2)**, seterusnya mengikuti **latihan teknikal** seperti pemasangan sistem akuaponik, pengurusan lobster air tawar dan keusahawanan (**Bukti 3**). Peserta bukan sahaja bertindak sebagai penerima manfaat, malah turut terlibat dalam **operasi kolam, pemasaran hasil melalui OTG Café Bas MySET**, serta **penerokaan inovasi** seperti **Deep Water Bore Technique** dan **suplemen lobster MMF/MFF**.

#### **Penglibatan Kumpulan Sasar dalam Projek Dapur HEP 2.0©**

Pelanggan utama **dikenal pasti melalui SiMS**, di mana lebih **70% pelajar UiTMCSH** tergolong dalam kategori B40. **Data ini membantu mengenal pasti pelajar paling memerlukan bantuan makanan**. Projek ini dilaksanakan secara inklusif dengan melibatkan **pelajar sebagai sukarelawan operasi, alumni sebagai penyumbang dana, staf melalui kempen “1 staf, 1 kampit beras” (Bukti 4)**, serta **NGO dan komuniti setempat**. Semua **data penyertaan, rekod aghian makanan dan laporan aktiviti disimpan dalam PRIME** untuk tujuan pemantauan.

#### **Aplikasi Model Quintuple Helix–5R**

UiTMCSH mengaplikasikan **5R** untuk memantapkan keterlibatan pelanggan:

- **Relation** – Hubungan pintar antara universiti, komuniti, kerajaan, industri, alumni & NGO.
- **Reduction** – Pengurangan kos operasi FLP-GAPS (solar, kitar semula air) dan beban sara hidup pelajar melalui Dapur HEP.
- **Reform** – Inovasi baharu seperti MMF-LAT 2.0, Deep Water Bore serta UiTMPay & sukarelawan pelajar.
- **Return** – Pulangan ekonomi (unjuran RM2,000/keluarga B40) & manfaat sosial/akademik (>70% pelajar B40 terbela).
- **Resilience** – Kelestarian projek melalui koperasi KOPKLUS, SPV Komuniti Madani dan replikasi Dapur HEP.

#### **Kesimpulan**

Secara keseluruhan, **data pelanggan dikumpul dan disimpan secara berstruktur** melalui **PRIME, Smart dan SiMS**. Selain itu, **projek pelaksana komuniti** seperti **FLP-GAPS 2.0**

**mesta komuniti** (latihan peserta, laporan hasil & pemasaran) dan **Dapur HEH 2.0** (rekod agihan makanan & sukarelawan) turut **mengumpul data lapangan**. Hal ini mewujudkan **pangkalan data tambahan** yang memperkukuh analisis serta penambahbaikan projek (**Bukti 5**).

Kumpulan sasar tidak hanya **dikenal pasti sebagai penerima manfaat**, tetapi turut dilibatkan sebagai **pelaksana, sukarelawan, penyumbang dana dan rakan strategik**. Melalui **Quintuple Helix-5R**, UiTMCSH berjaya memastikan pelanggan menjadi **teras utama strategi**, membuktikan projek ini sebagai **model keterlibatan pelanggan berimpak tinggi**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_T01\\_TB03\\_20251\\_maklumat pelajar dapur hep.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB03\\_20252\\_maklumat flpgaps pelanggan.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB03\\_20253\\_Senarai Pelanggan.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB03\\_20254\\_bilang pelajar.pdf](#)
5. [K0025\\_T01\\_TB03\\_20255\\_Rekod data pelanggan 1.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan projek bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** memberi manfaat secara berkesan kepada pelanggan, UiTMCSH melaksanakan mekanisme pemantauan dan pelaporan yang sistematik. Pemantauan ini membolehkan status projek dipantau secara berterusan, keberkesanan dinilai, dan penambahbaikan dilakukan agar kebaikan serta ganjaran sampai kepada kumpulan sasaran.

Secara menyeluruh, semua projek dipantau melalui **sistem PRIME dan Community Engagement Registration (Bukti 1)**. Melalui sistem ini, ganjaran yang diperoleh peserta FLP-GAPS dapat dilihat dengan jelas. Selain itu, **laporan program serta maklum balas pelanggan (Bukti 2)** turut disediakan bagi menilai sama ada manfaat projek benar-benar sampai kepada kumpulan sasaran. Data ini dianalisis dari sudut **penapaian objektif, risiko, impak serta keberkesanan kos**. Hasil analisis kemudiannya diterjemahkan dalam **Laporan Piagam Pelanggan Universiti**, yang dibentangkan di **Mesyuarat MKSP** untuk mendapatkan cadangan penambahbaikan strategik.

#### **Projek FLP-GAPS 2.0**

Pemantauan projek ini menggunakan **milestone utama (Bukti 3)** seperti kursus latihan, pemasangan sistem akuaponik, penyerahan benih lobster, serta lawatan pemantauan tapak. Mekanisme ini memastikan komuniti B40 mendapat manfaat sebenar, antaranya peningkatan **pendapatan isi rumah sehingga RM2,000 sebulan (Bukti 4)**, penciptaan **peluang pekerjaan baharu**, serta pendedahan kepada **ilmu teknikal dan keusahawanan moden**. Pemantauan risiko turut dilaksanakan melalui **Emergency Risk Matrix** yang merangkumi bencana alam, wabak, gangguan elektrik dan pasaran, dengan tindakan segera serta pegawai bertanggungjawab (PIC) ditetapkan bagi setiap risiko.

#### **Projek Dapur HEP 2.0©**

Bagi projek kebajikan pelajar, pemantauan memberi fokus kepada keberkesanan agihan makanan. Setiap rekod sumbangan kewangan dan barangan asas (seperti beras) direkodkan dalam **PRIME**, termasuk bilangan penerima manfaat. Analisis menunjukkan lebih **70% pelajar B40 menerima makanan percuma sekurang-kurangnya dua kali sehari**, sekali gus menjamin kesejahteraan asas mereka. Sistem pemantauan ini juga memastikan **ketelusan sumbangan alumni, staf dan komuniti**, sekali gus memberikan ganjaran moral serta keyakinan kepada penyumbang. Di samping itu, pelajar sukarelawan mendapat manfaat dalam bentuk **kemahiran insaniah dan pengalaman kepimpinan (Bukti 5)**.

#### **Kesimpulan**

Keseluruhannya, pemantauan bersepadu UiTMCSH memastikan pelanggan memperoleh **kebaikan yang nyata** – komuniti B40 menikmati **pendapatan tambahan, peluang pekerjaan dan latihan keusahawanan**, manakala pelajar B40 mendapat **jaminan makanan asas, pengurangan beban kewangan serta peluang sukarelawan**. Keberkesanan ini turut **membina keyakinan penyumbang, alumni, industri dan kerajaan** bahawa pelaksanaan projek bidang tumpuan adalah **telus, berkesan dan berimpak tinggi**.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20251\\_FLP 2.0 Laporan CNC PRIME.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20252\\_FLP 2.0 full report \(2\) \(2\).pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20253\\_FLP 2.0 mile stone.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20254\\_ganjaran pelanggan.pdf](#)



### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kegagalan sesuatu projek komuniti memberi implikasi besar kepada pelanggan UiTMCSH dan seterusnya menjejaskan pencapaian maklum balas pelanggan. Sekiranya **Projek FLP-GAPS 2.0** gagal, komuniti B40 akan kehilangan peluang peningkatan pendapatan dan sokongan teknikal yang menjadi sumber utama kelangsungan hidup. Pulangan sosial (ROI) kepada penaja juga tidak akan tercapai, sekali gus menghasilkan maklum balas negatif.

Bagi **Projek Dapur HEP 2.0**©, kegagalan projek boleh memberi kesan langsung kepada pelajar UiTMCSH, khususnya golongan B40, kerana projek ini merupakan talian hayat dalam menjamin keperluan makanan harian. Jika terhenti, kebajikan pelajar akan terabai dan maklum balas pelanggan akan terjejas.

Risiko Projek FLP-GAPS 2.0

Risiko utama yang dikenal pasti ialah (Bukti 1):

- Kematian lobster akibat penyakit atau kualiti air yang tidak stabil,
- Gangguan bekalan elektrik yang menjejaskan sistem pam dan aerasi,
- Kenaikan kos operasi pasca pandemik,
- Krisis pasaran apabila permintaan menurun, dan
- Bencana alam atau isu keselamatan aset.

Risiko ini dikelaskan kepada tahap rendah, sederhana dan tinggi. Untuk mengurangkan impak terhadap keberhasilan projek dan maklum balas pelanggan (Bukti 2), beberapa langkah pencegahan telah dilaksanakan, antaranya: penghasilan suplemen lobster (MMF/MFF), penggunaan sistem tertutup (*close system*), SOP biosekuriti baharu, kerjasama teknikal melalui LOI dengan Arbaah Sdn. Bhd. dan Bongawan Farm, serta penubuhan OTG Café sebagai rantaian pasaran. Mitigasi ini memastikan peserta mendapat manfaat sebenar dan maklum balas mereka kekal positif.

Risiko Projek Dapur HEP 2.0©

Risiko utama termasuk kekurangan dana, ketidakcukupan bekalan makanan dan ketidakselarasan agihan. Bagi mengurangkan risiko ini, sistem pemantauan diwujudkan melalui rekod sumbangan wang/barangan, analisis agihan makanan, serta sokongan dana berterusan daripada alumni, komuniti dan kerajaan. Mekanisme ini menjamin bekalan makanan pelajar tidak terputus, memastikan lebih 70% pelajar B40 menerima makanan percuma, sekali gus mengekalkan maklum balas pelanggan pada tahap positif (Bukti 3).

Unit Perhubungan Korporat UiTM juga turut membuat analisa terhadap semua aduan pelanggan yang diterima, hasil analisa pelan penambahbaik dan pencegahan akan cadangkan termasuk risiko pelanggan (Bukti 4)

Secara keseluruhannya, pengurusan risiko yang terperinci dan berterusan ini bukan sahaja melindungi kesejahteraan pelanggan, malah memastikan maklum balas pelanggan sentiasa positif dan konsisten dengan sasaran PI UiTMCSH. Keberkesanan pengurusan risiko turut meningkatkan keyakinan penaja, alumni, industri dan kerajaan terhadap pelaksanaan projek yang berkesan dan berimpak tinggi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20251\\_DOKUMEN LAPORAN PENGUKUHAN RISIKO PROJEK FLP-GAPS 2.0.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20252\\_FLP 2.0 Analisa pelanggan.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20253\\_Laporan Risiko Dapur HEP.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20254\\_LAPORAN ANALISA ADUAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN UiTM CAWANGAN SABAH 2024.pdf](#)
- 5.

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

**Maklum balas pelanggan dan aduan** merupakan instrumen penting dalam menilai keberkesanan projek bidang tumpuan **UiTMCSH**. Melalui mekanisme ini, pihak pengurusan dapat mengenal pasti tahap kepuasan pelanggan, kelemahan yang wujud, dan seterusnya melaksanakan **penambahbaikan yang lebih bersasar**.

UiTMCSH menyediakan pelbagai **saluran maklum balas** seperti **Sistem E-Aduan UiTMCSH, e-mel rasmi, media sosial, peti aduan, kaunter khidmat pelanggan, dan panggilan telefon**. Maklum balas diperoleh bukan sahaja daripada pelanggan dalaman (**pelajar, staf**), malah juga daripada pelanggan luaran seperti **alumni, penaja, dan komuniti**. Semua aduan **direkod, dianalisis, dan dimasukkan ke dalam Laporan Analisis Aduan dan Maklum Balas Pelanggan** (Bukti 1), yang disediakan **dua kali setahun** serta **dibentangkan dalam Mesyuarat MKSP** bagi tindakan penambahbaikan.

Di peringkat pelaksana, **maklum balas diperoleh secara langsung daripada peserta**. Projek **FLP-GAPS 2.0** mengumpul maklum balas melalui **soal selidik, temu bual dan laporan peserta** (Bukti 2). Analisis ini membawa kepada **penambahbaikan konkrit** seperti **pembaikan sistem biosekuriti, pembangunan suplemen lobster (MMF/MFF), serta penggunaan sistem close circulation** bagi mengurangkan risiko kematian lobster (Bukti 3).

Bagi **Dapur HEP 2.0©**, maklum balas pelajar menjadi asas kepada **penambahbaikan sistem agihan**. Antara **inovasi baharu** yang lahir hasil maklum balas ialah **“Kempen 1 Staf 1 Kampit Beras”, sukarelawan pelajar, serta pelaksanaan konsep Grab & Go dan Foodbank**. Malah, **cadangan pelajar** telah mendorong penyediaan **ruang memasak di kolej kediaman**, yang meningkatkan keberkesanan agihan dan membudayakan **semangat kebersamaan**.

Keberkesanan projek turut **diiktiraf di peringkat nasional** apabila **Dapur HEP 2.0© dipersembahkan dalam Konvensyen KIK Zon Borneo 2024** melalui kumpulan **“Gagak Hitam”** (Bukti 4). Projek ini juga **telah didaftarkan di bawah hak cipta MyIPO** (Bukti 5), sekali gus mengiktiraf **keaslian konsep** dan menjamin **kelestarian inovasi**.

**Kesimpulannya, analisis berterusan terhadap maklum balas pelanggan** telah membantu UiTMCSH **memperkuh prestasi projek, mencetuskan inovasi baharu, serta meningkatkan pengiktirafan di peringkat universiti, nasional dan antarabangsa**. Hal ini membuktikan bahawa **budaya penambahbaikan berterusan (Continuous Quality Improvement – CQI)** benar-benar dibudayakan, sekali gus memastikan **manfaat optimum kepada pelanggan utama UiTMCSH**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20251\\_LAPORAN ANALISA ADUAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN UiTM CAWANGAN SABAH 2024.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20252\\_FLP 2.0 Analisa pelanggan.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20253\\_Bukti 3.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20254\\_ANUGERAH KIK.pdf](#)
5. [K0025\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20255\\_Sijil MyIPO Dapur HEP.pdf](#)

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCSH sentiasa menekankan keberkesanan pelaksanaan projek komuniti melalui budaya penilaian berterusan, maklum balas pelanggan, dan integrasi inovasi. Pendekatan ini berpaksikan **Piagam Pelanggan UiTMCSH** serta **Model Quintuple Helix-5R**, yang menekankan kolaborasi erat antara universiti dengan lima subsistem utama – komuniti, alumni, industri, kerajaan, dan persekitaran.

#### Mekanisme Integrasi Pelanggan

Di peringkat PTJ, khususnya **PJIM&A dan HEP**, pengumpulan maklum balas pelanggan selepas setiap program telah dijadikan amalan wajib. Borang maklum balas, soal selidik, temu bual lapangan, serta laporan aktiviti dianalisis secara sistematik. Hasil analisis dimasukkan ke dalam **Laporan Analisis Aduan & Maklum Balas Pelanggan UiTMCSH** (dua kali setahun), (Bukti 1) yang kemudiannya dibentangkan di Mesyuarat MKSP untuk dirumuskan sebagai tindakan penambahbaikan strategik. Inisiatif ini melahirkan budaya **Continuous Quality Improvement (CQI)** dalam kalangan staf dan pelajar.

#### Inovasi Terhasil daripada Integrasi

Hasil integrasi maklum balas pelanggan telah mencetuskan beberapa inovasi utama:

- **Projek FLP-GAPS 2.0 Mesra Komuniti** menghasilkan **Miracle Microorganisms Formula (MMF) & MMF-LAT 2.0 (MyIPO)** yang menyelesaikan isu kematian lobster air tawar ketika moulting. Ia mengurangkan kebergantungan kepada produk luar dan berpotensi memberi manfaat kepada 150–300 pengusaha LAT berskala piko, nano, dan mikro di Sabah & Borneo. Inovasi lain termasuk **Deep Water Bore Technique, sistem close aquaponic**, serta penubuhan **Koperasi KOPKLUS & SPV ToCoDeS Legacy Sdn. Bhd.** yang melahirkan usahawan sosial B40. (Bukti 2)
- **Projek Dapur HEP 2.0©** melahirkan sistem sukarelawan pelajar, **Kempen “1 Staf 1 Kampit Beras”**, serta platform digital **UiTMPay**. Ia turut memperkenalkan konsep **Grab & Go** dan **Foodbank** hasil maklum balas pelajar. (Bukti 3) Projek ini telah mendapat pengiktirafan di peringkat nasional melalui **Konvensyen KIK Zon Borneo 2024** dengan kumpulan **“Gagak Hitam”**, serta didaftarkan di bawah **hak cipta MyIPO** (Bukti 4) sebagai model inovasi sosial UiTMCSH.

#### Keberkesanan kepada Pelanggan

- **FLP-GAPS 2.0** memberi impak ekonomi yang jelas apabila pendapatan peserta B40 meningkat daripada sekitar **RM500 kepada RM1,200–2,000 sebulan**, di samping mencipta peluang pekerjaan baharu serta pendedahan kepada ilmu teknikal dan keusahawanan moden.
- **Dapur HEP 2.0©** memastikan lebih **70% pelajar B40 UiTMCSH** mendapat makanan percuma sekurang-kurangnya dua kali sehari. Pelajar sukarelawan pula memperoleh **kemahiran insaniah dan kepimpinan**, manakala alumni, staf & komuniti menikmati ganjaran moral melalui sumbangan berterusan.

#### Integrasi Hubungan Strategik

Amalan ini diperkuat dengan penglibatan alumni, staf, kerajaan dan komuniti yang menyumbang dana serta kepakaran, menjamin kelestarian projek komuniti. Malah, kedua-dua projek ini telah direplikasi ke **UiTM Shah Alam, UiTM Pulau Pinang, UiTM Pahang**, serta diperluas ke peringkat antarabangsa melalui **Sekolah Indonesia Kota Kinabalu** dan program **Sakura Exchange di Okinawa, Jepun**. (Bukti 5)

#### Kesimpulan

keseiurunannya, integrasi berasaskan maklum balas pelanggan di UiTMCSH terbukti berkesan dalam menghasilkan operasi yang telus, inovasi baharu, serta keberlanjutan projek komuniti. Melalui FLP-GAPS 2.0 dan Dapur HEP 2.0©, UiTMCSH bukan sahaja memenuhi aspirasi RMK-12, Sabah Maju Jaya dan SDG, tetapi juga membudayakan inovasi sosial yang diiktiraf di peringkat nasional & antarabangsa. Hal ini membuktikan UiTMCSH telah berjaya menjadikan pelanggan sebagai **teras strategi**, inovasi sebagai **budaya**, dan universiti sebagai **agen perubahan sosial**.

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_T01\\_TB05\\_20251\\_LAPORAN ANALISA ADUAN DAN MAKLUM BALAS PELANGGAN UiTM CAWANGAN SABAH 2024.pdf](#)
2. [K0025\\_T01\\_TB05\\_20252\\_Bukti 3.pdf](#)
3. [K0025\\_T01\\_TB05\\_20253\\_KIK - UiTM SABAH-GAGAK HITAM.docx.pdf](#)
4. [K0025\\_T01\\_TB05\\_20254\\_Sijil MyIPO Dapur HEP.pdf](#)
5. [K0025\\_T01\\_TB05\\_20255\\_Bukti 5.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH) memastikan pengurusan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan dilaksanakan secara berkesan melalui pendekatan **Plan–Do–Check–Act (PDCA)**. Pendekatan ini memastikan semua projek komuniti dan kesukarelawan dirancang, dilaksanakan, dipantau, serta ditambah baik secara berterusan agar memberi manfaat optimum kepada pelanggan utama universiti iaitu pelajar, komuniti B40, alumni, industri, kerajaan dan masyarakat setempat.

#### **Plan (Perancangan):**

UiTMCSH mewajibkan semua projek komuniti dipetakan kepada **Petunjuk Prestasi (PI)** universiti dan didaftarkan di bawah **MyRA Bintang** dengan sasaran minimum satu bintang (Bukti 4.1.1). PI yang diselaraskan termasuk PI080 (Alumni), PI076 (Komuniti/KTP), PI028 (Kesukarelawan), PI077 (Dana Luar), dan PI136 (Zero Poverty). Perancangan dilaksanakan melalui Bengkel Perancangan Strategik (SAP2024) dengan penglibatan PJIM&A, HEP dan Unit Perancangan Strategik (UPS). Setiap PTJ bertanggungjawab melaporkan prestasi projek melalui **Sistem PRIME** dan **Smart** untuk memastikan keselarasan dengan sasaran strategik UiTM 2025, RMK-12 dan Sabah Maju Jaya.

#### **Do (Pelaksanaan):**

Semua aktiviti dilaksanakan berpandukan PI dan jadual kerja yang ditetapkan. **FLP-GAPS 2.0 Mesra Komuniti** menjadi contoh projek komuniti berimpak tinggi yang meningkatkan pendapatan isi rumah B40 melalui teknologi akuaponik moden. Sementara itu, **Dapur HEP 2.0©** memberi manfaat langsung kepada lebih 70% pelajar B40 melalui penyediaan makanan percuma dua kali sehari. Kedua-dua projek ini dilaksanakan secara inklusif dengan melibatkan alumni, staf, NGO, industri dan kerajaan sebagai rakan pelaksana, sukarelawan serta penaja dana.

#### **Check (Pemantauan):**

Proses pemantauan dilaksanakan secara berkala melalui laporan **MKSP**, analisis data PRIME, serta pelaporan prestasi universiti setiap suku tahun (Bukti 4.1.2). Data pencapaian PI dianalisis menggunakan kaedah deskriptif untuk mengenal pasti tren, keberkesanan kos, dan isu pelaksanaan. FLP-GAPS dipantau oleh Kementerian Kewangan (MOF-UniMADANI) dan ICAN, manakala Dapur HEP dipantau melalui rekod sumbangan dan laporan audit. Mekanisme ini membolehkan tindakan intervensi segera dilakukan sekiranya prestasi projek tidak mencapai sasaran.

#### **Act (Penambahbaikan):**

UiTMCSH menjalankan **post-mortem** selepas setiap projek bagi menilai keberkesanan aktiviti, kecekapan pengurusan dan keberhasilan kos (Bukti 4.1.3). Penambahbaikan ini menghasilkan beberapa inovasi baharu, antaranya **Miracle Microorganisms Formula (MMF)** untuk FLP-GAPS serta sistem sukarelawan pelajar dan “Kempen 1 Staf 1 Kampit Beras” untuk Dapur HEP. Kedua-dua projek ini juga diiktiraf di peringkat nasional melalui MyIPO dan Konvensyen KIK, membuktikan budaya **Continuous Quality Improvement (CQI)** benar-benar diamalkan di UiTMCSH.

#### **Kesimpulan:**

Pelaksanaan PDCA secara sistematik telah memastikan semua projek komuniti dan kesukarelawan mencapai sasaran PI, melahirkan inovasi, serta memberi impak nyata kepada pelanggan utama UiTMCSH. Pendekatan ini sekali gus memperkukuh kedudukan universiti sebagai agen perubahan sosial yang berkesan.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pencapaian setiap projek komuniti dan kesukarelawan perlu diukur prestasinya kerana ia melibatkan banyak pihak berkepentingan seperti kerajaan, komuniti, pelajar, alumni, pemberi dana, dan rakan strategik. Justeru, sama ada objektif projek tercapai atau tidak perlu dimaklumkan secara telus, berasaskan sistem ukuran prestasi yang sah.

### Petunjuk Prestasi (PI) UiTMCSH

Bagi bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan, UiTMCSH menggunakan lima **Petunjuk Prestasi (PI) terkini** yang selaras dengan Perancangan Strategik UiTMCSH 2021–2025: (Bukti 1)

- **PI080** – Bilangan Program Khidmat Kepakaran Alumni
- **PI076** – Bilangan Program Pemindahan Ilmu (KTP)
- **PI028** – Bilangan Program Kesukarelawan
- **PI077** – Dana Luar untuk USR & KTP
- **PI136** – Zero Poverty Program (diperkenalkan pada tahun 2024)

Kelima-lima PI ini dipantau melalui Laporan UEPMO, yang merekodkan pencapaian tahunan, analisis punca kegagalan, serta cadangan penambahbaikan. (Bukti 2)

### Instrumen Pengukuran

Selain PI universiti, UiTMCSH juga menetapkan bahawa semua projek komuniti dan kesukarelawan perlu:

- **Mendaftar dalam sistem PRIME dan Smart UiTM** untuk memastikan data disimpan secara rasmi, konsisten, dan boleh diaudit.
- **Memperoleh penarafan sekurang-kurangnya 1 Bintang MyRA** bagi menjamin kualiti projek. (Bukti 3)
- **Menggunakan laporan CNC** bagi menilai pencapaian impak sosial dan keberkesanan jaringan.

### Pengukuran di Peringkat Projek

#### 1. Projek FLP-GAPS 2.0 Mesra Komuniti

Projek ini mempunyai **10 KPI khusus (2019–2025)** merangkumi aspek teknikal, sosial, ekonomi dan kelestarian. Antara pencapaian terkini termasuk peningkatan pendapatan peserta komuniti B40 RM 2000 sebulan, inovasi produk **Miracle Microorganisms Formula (MMF/MFF)**, serta pemasaran melalui **OTG Café Bas MySET**. Semua data peserta disimpan dalam PRIME, QR Code, serta Google Drive khas projek. Bukti 4

#### 2. Projek Dapur HEP 2.0©

Projek kebajikan pelajar ini disokong oleh data **Sistem Maklumat Pelajar (SiMS)** yang merekodkan status sosioekonomi pelajar. Analisis terkini menunjukkan lebih **70% pelajar B40 UiTMCSH** mendapat manfaat makanan percuma sekurang-kurangnya dua kali sehari. Prestasi projek diukur melalui jumlah dana alumni & staf (contoh kempen “1 Staf 1 Kampit Beras”), bilangan penerima manfaat, serta inovasi operasi seperti **Grab & Go, Foodbank, dan sukarelawan pelajar**. Bukti 5

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, UiTMCSH melaksanakan sistem pengukuran prestasi yang

menyuarakan melalui gabungan FLP-Grants dan projek penambahbaikan, dan sistem akan rasmi. Keberkesanan ini memastikan projek komuniti bukan sahaja mencapai sasaran, malah menyumbang kepada **aspirasi UiTM2025, RMK-12, Malaysia MADANI, dan Sabah Maju Jaya (SMJ)**. Data yang dikumpul mendorong kepada tindakan penambahbaikan berterusan, seterusnya menjadikan FLP-GAPS 2.0 dan Dapur HEP 2.0© sebagai model projek komuniti berimpak tinggi.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_A01\\_AB02\\_20251\\_411.pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB02\\_20252\\_PI REPORT UEPMO.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB02\\_20253\\_K0025\\_A01\\_AB02\\_20243\\_Manual Libatsama Komuniti UiTM .pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB02\\_20254\\_FLP 2.0 Analisa pelanggan.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB02\\_20255\\_PELAPORAN PELAKSANAAN DAPUR HEP TAHUNAN 2024 SABAH.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCSH melaksanakan **Deskriptif Analisis** dalam menilai data bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. Data dikumpul melalui sistem rasmi universiti (PRIME, Smart, SiMS) Bukti 1 serta kaedah lapangan (soal selidik, QR Code, temu bual, laporan program). Maklumat ini kemudiannya **dikategorikan mengikut jenis projek** (komuniti, kesukarelawan, alumni) sebelum dipetakan kepada **Petunjuk Prestasi (PI)** dan penarafan **Bintang MyRA**.

Setiap PI diurus oleh PTJ berbeza – **PJIM&A** bertanggungjawab terhadap PI080 (Khidmat Alumni) & PI076 (Pemindahan Ilmu), **HEP** mengurus PI028 (Kesukarelawan), manakala PI077 (Dana luar) dan PI136 (Zero Poverty Program) dipantau bersama ICAN dan UPS. Analisis ini dibentangkan dalam **Pencapaian CNC** (Bukti 2) bagi memastikan keselarasan pelaporan dan tindakan. (Bukti 2)

#### Hasil Analisis PI (2021–2024):

- PI080: Pencapaian melebihi sasaran dengan penglibatan alumni dalam pelbagai program kepakaran.
- PI076: Konsisten mencapai sasaran program pemindahan ilmu setahun.
- PI028: Dilonjakkan dengan program antarabangsa melalui kolaborasi industri & komuniti luar negara.
- PI077: Dana luar meningkat signifikan melepasi sasaran, menyokong kelestarian projek komuniti.
- PI136: Zero Poverty Program diperkenalkan mulai 2024, memberi impak besar kepada komuniti B40.

#### Kaedah pemetaan prestasi:

Jumlah projek sebenar dibandingkan dengan sasaran PI dan MyRA Star Rating. Contohnya, setiap projek komuniti wajib mencapai sekurang-kurangnya **1 bintang MyRA**. Laporan ini dibincangkan dalam **MKSP** dan **Pelaporan Piagam Pelanggan** secara sukuan. Jika ada PI yang tidak tercapai, punca kegagalan dan cadangan penambahbaikan perlu dilaporkan (Bukti 2).

#### Di peringkat projek:

- FLP-GAPS 2.0 Mesra Komuniti** (Bukti 3): Data dikumpul merangkumi latihan teknikal, pendapatan isi rumah, inovasi akuaponik, dan penglibatan peserta. KPI projek (10 sasaran hingga 2025) dipantau secara berperingkat. Analisis impak menunjukkan peningkatan pendapatan isi rumah komuniti B40 kepada RM2,000 sebulan, penciptaan pekerjaan baharu, serta inovasi teknikal yang berdaftar (MMF, Deep Water Bore, sistem solar).
- Dapur HEP 2.0©** (Bukti 4.3.5): Data diperoleh daripada borang maklum balas pelajar, rekod sumbangan, dan sistem PRIME. Analisis tren menunjukkan >70% pelajar B40 menerima makanan percuma dua kali sehari. Inovasi seperti “**1 staf 1 kampil beras**”, Foodbank, dan Grab & Go memastikan keberlanjutan. Projek ini turut diiktiraf melalui pendaftaran **MyIPO** dan dipersembahkan di **Konvensyen KIK Zon Borneo (Gagak Hitam)** sebagai model inovasi sosial. (Bukti 4.)

#### Kesimpulan:

Proses analisis berasaskan PI, MyRA, dan data projek telah membolehkan UiTMCSH membuat keputusan strategik, mengenal pasti kelemahan, serta mencetuskan penambahbaikan yang berterusan. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan sasaran dicapai, malah menghasilkan

**inovasi baharu** dan meningkatkan pengiktirafan projek di peringkat universiti, nasional, dan antarabangsa. Sebagai Contoh **Dapur HEP 2.0**© berjaya didaftar MyIPO hasil dari semua data dan maklumbalas yang dikumpul

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_A01\\_AB03\\_20251\\_laporan Prime.pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB03\\_20252\\_Laporan Pencapaian CNC \(BUKTI 4.2\).pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB03\\_20253\\_maklumat flpgaps pelanggan.pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB03\\_20254\\_maklumat pelajar dapur hep.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB03\\_20255\\_Sijil MyIPO Dapur HEP.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

**Hasil daripada analisis data** akan dilaporkan dalam *Pelaporan MKSP Komuniti Tahun 2024* (Bukti 1) mengikut sukuan tahunan sebagai instrumen utama pemantauan. Mekanisme ini berkesan kerana data dianalisis setiap tiga bulan, dan pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) dibentangkan dalam bentuk tren analisis di Mesyuarat MKSP. Melalui analisis ini, pencapaian prestasi semasa dapat dikenal pasti. Sebagai contoh, sekiranya laporan sukuan menunjukkan PI080 belum tercapai, penyelaras laporan perlu memaklumkan sebab ketidakcapaian serta tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan isu tersebut. Di samping itu, penyelaras turut diminta mengemukakan cadangan penambahbaikan bagi masa hadapan. Penyelaras Transformasi Universiti akan membentangkan hasil analisis tersebut, yang digunakan sebagai mekanisme pemantauan prestasi bidang tumpuan UiTMCSH (Bukti 2).

**Pemantauan FLP-GAPS 2.0** bagi tahun 2024 dilaksanakan secara berlapis, termasuk **audit teknikal dan kewangan oleh Kementerian Kewangan (MOF)** melalui program UniMADANI serta **pemantauan impak komuniti oleh ICAN**. Mekanisme ini memastikan projek bukan sahaja menepati sasaran PI UiTMCSH, tetapi juga telus dari sudut kewangan dan berkesan dalam memberi manfaat kepada komuniti B40. (Bukti 3)

Bagi **Dapur HEP 2.0©**, pemantauan dan pelaporan dilakukan sekali setahun oleh PTJ yang bertanggungjawab. Laporan memberi fokus kepada inisiatif pencarian tajaan atau sumbangan daripada agensi, syarikat, serta pensyarah UiTMCSH. Selain itu, hasil analisis juga dikongsikan melalui *Pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti* setiap sukuan. Pelaporan bulanan membentangkan pencapaian PI di peringkat kampus UiTMCSH dalam *Sesi Mesyuarat Pembentangan Pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti* (Bukti 4). Sesi ini membincangkan pencapaian, strategi intervensi bagi PI yang tidak mencapai sasaran, serta strategi pengendalian bagi PI yang telah mencapai sasaran. Hasil perbincangan seterusnya disebar kepada seluruh warga UiTMCSH melalui e-mel rasmi .

Selain itu, **pemantauan luaran** turut dilaksanakan bagi FLP-GAPS 2.0 dan Dapur HEP 2.0© melalui borang soal selidik pelanggan/peserta. Mekanisme ini memastikan pandangan luar diambil kira dalam analisis projek, sekali gus menjadikan data lebih telus dan berupaya menyokong proses penambahbaikan (Bukti 5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20251\\_Laporan Pencapaian CNC \(BUKTI 4.2\).pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20252\\_PEMANTAUAN PROJEK SAP.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20253\\_lawatan audit.pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20254\\_sap 2024.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20255\\_FLP 2.0 Analisa pelanggan.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCSH mengambil berat terhadap pengurusan risiko maklumat dan data bidang tumpuan. Pengurusan dan penyimpanan data yang **tidak sistematik** boleh mengundang kepada risiko kehilangan data, kesilapan data, kebocoran data, ketirisan data dan risiko data tidak lengkap. Semua Risiko ini berpunca dari satu masalah iaitu pengurusan data dan rekod. Berdasarkan panduan pengurusan risiko UiTM, risiko ini di kategorikan sebagai operasi dan berada di kumpulan teknologi (**Bukti 1**).

Pengurusan data dan maklumat risiko yang boleh menyebabkan kegagalan pelaksanaan bidang tumpuan data yang **tidak sah atau tidak lengkap** boleh menyebabkan keputusan analisis salah dan tidak boleh digunakan untuk penambahbaikan projek komuniti dan kesukarelawan. Risiko ini akan membawa kepada risiko yang lain iaitu **kegagalan untuk menyediakan analisis** yang tepat dan menyeluruh yang berpunca daripada kelewatan penyediaan laporan pencapaian.

UiTMCSH mengambil pendekatan untuk mencegah risiko ketirisan dan kebocoran maklumat dan data yang disimpan dengan memastikan setiap staf termasuk pelaksana projek yang terlibat mengisi **Borang Akta Kerahsiaan** ini bagi memastikan kebocoran data UiTMCSH dan pelanggan dapat dielakkan. Seterusnya UiTMCSH mengambil pendekatan melatih semua staf bidang tumpuan yang bertanggungjawab untuk menyimpan dokumen rahsia dalam pengurusan rekod dan penyelenggaraan kerahsiaan fail dan dokumen berdasarkan **Garis Panduan Pengurusan Dokumen Berperingkat, Dasar Pengurusan Rekod Universiti Teknologi MARA** serta **Dasar Pengurusan Maklumat Rasmi UiTM**. Bagi dokumen dalam bentuk *softcopy* pula, beberapa polisi berkaitan kerahsiaan dipatuhi untuk memastikan tiada kebocoran yang berlaku (**Bukti 2, Bukti 3 dan Bukti 4**). Bagi risiko kelewatan atau kegagalan laporan pencapaian pula, risiko ini dapat diatasi dengan wujudnya pemantauan berkala dari pihak pengurusan melalui MKSP dan JKEN.

Di peringkat pelaksana projek seperti FLP-GAPS dan Dapur HEP setiap data projek akan direkodkan di dalam sistem Prime dan Smart akan disemak oleh penyelaras bagi memastikan data di kumpul mencukupi dan terjaga.

Selain itu, semua data bagi kedua-dua projek disimpan di dalam Google Drive dimana hanya ahli-ahli projek dibenarkan untuk mengakses data tersebut. Ini bagi memastikan keselamatan data dan ketepatan data (**Bukti 5**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20251\\_Bukti 4.4.2.1.pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20252\\_Bukti 4.4.2.2.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20253\\_Bukti 4.4.2.3.pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20254\\_Bukti 4.4.2.4 \(2\)-merged.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20255\\_Bukti 4.4.2.5.pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Petunjuk Prestasi yang dipilih berdasarkan laporan yang disediakan oleh PTJ laporan tersebut ialah Pelaporan MKSP Komuniti Tahun (**Bukti 1**) di mana laporan ini merekodkan pencapaian petunjuk prestasi tahun – tahun sebelum ini, analisis pencapaian dan punca tidak tercapai. Hasil dari data tersebut pancangan untuk menentukan ukuran yang sesuai akan dibincangkan. Laporan tersebut juga merekodkan sebab-sebab tidak tercapai, cadangan penambahbaikan di mana ia akan di bincangkan secara terperinci dalam mesyuarat MKSP. Selain itu hasil analisis data bidang tumpuan juga akan digunakan untuk membentuk Strategik Action Plan (SAP 2024) (**Bukti 2**) di mana penambahbaikan untuk setiap projek komuniti akan dibincangkan termasuk risiko kegagalan sesuatu projek.

Maklumat data yang telah dianalisis juga digunakan oleh kepimpinan tinggi UiTMCSH di dalam Mesyuarat pembentangan pelaporan Pencapaian Prestasi Universiti di dalam Mesyuarat tersebut setiap PI bidang tumpuan akan membincangkan analisis pencapaian, strategi intervensi bagi petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran dan strategi bagi petunjuk prestasi yang mencapai sasaran (**Bukti 3**).

Bagi tahun 2024, projek FLP-GAPS 2.0 telah menjalankan aktiviti penambahbaikan melalui proses dimana pengiraan nisbah ternakan udang galah dilakukan supaya kematian ternakan dapat dikurangkan dan hasil pengeluaran daripada peserta dapat dikekalkan (**Bukti 4**). Manakala, bagi Dapur HEP 2.0©, penambahbaikan juga dilakukan dalam memastikan jumlah sumbangan beras sentiasa cukup dimana kempen satu staf satu kampil diperkenalkan, dan untuk mengatasi masalah pekerja menguruskan masakan nasi di Dapur HEP 2.0© sistem kesukarelawan diperkenalkan semua penambahbaikan di catatkan di Pelaporan Pelaksanaan Inisiatif Dapur Hep Bagi Tahun 2024 BHEP. Selain itu, DAPUR HEP 2.0© telah menambah pelbagai peralatan seperti ketuhar gelombang mikro, peti sejuk dan periuk aruhan setelah mendapat respons daripada pengguna. Manakala, DAPUR HEP 2.0© juga mampu menjana pendapatan tambahan bagi aktiviti penambahbaikan melalui inovasi “1 Stop Centre for Student Luggage” (**Bukti 5**). Penambahbaikan ini tidak mungkin berlaku jika PTJ dan Pelaksana projek tidak membuat pengumpulan dan analisis data dan maklum balas dari pelanggan seperti respons daripada para pelajar UiTMCSH yang menggunakan Dapur HEP 2.0©.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20251\\_Laporan Pencapaian CNC \(BUKTI 4.2\).pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20252\\_sap 2024.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20253\\_PEMANTAUAN PROJEK SAP.pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20254\\_K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20252\\_Bukti 4.4.3.4.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20255\\_K0025\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20255\\_Bukti 4.4.3.5.pdf](#)

#### 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

**Projek-projek bidang tumpuan** seperti komuniti dan kesukarelawan telah berjaya mewujudkan budaya *penambahbaikan berterusan* (CQI) dalam operasi UiTMCSH. Amalan merekod data primer dan sekunder melalui pengumpulan maklum balas pelanggan memberi kesan yang besar kepada proses penambahbaikan yang lebih sistematik.

Sebagai contoh, **data maklum balas pelanggan** telah membantu pelaksana **Dapur HEP 2.0©** membangunkan *Pelaksanaan Inisiatif Dapur HEP* (Bukti 1) yang terperinci dan dijadikan rujukan kepada kampus UiTM lain dalam penyediaan model Dapur HEP 2.0© masing-masing. Selain kampus cawangan UiTM, universiti luar negara dan sekolah antarabangsa turut melaksanakan **lawatan penanda aras** untuk mempelajari operasi Dapur HEP. Inisiatif ini terhasil kerana budaya analisis data yang membolehkan pelaksana mengenal pasti ruang kelemahan dan memperkenalkan langkah penambahbaikan yang efektif.

Selain itu, budaya analisis data juga telah melahirkan **penerbitan ilmu** melalui kajian projek **FLP-GAPS 2.0**. Semua hasil kajian dan pengalaman sepanjang pelaksanaan projek diterbitkan dalam *Proceedings Borneo International Islamic Conference* (Bukti 2). Penerbitan akademik oleh FLP-GAPS 2.0 dan Dapur HEP 2.0© pada tahun 2024 menjadi platform penyebaran pengetahuan serta perkongsian amalan terbaik kepada pihak berkepentingan yang berminat membangunkan projek seumpamanya pada masa hadapan.

Keberkesanan pengurusan **Dapur HEP 2.0©** turut diiktiraf melalui penglibatan dalam *Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UiTM 2024*, yang memberi peluang kepada pasukan projek untuk mendapatkan penilaian pakar, menyertai perkongsian ilmu, dan menjalin kerjasama dengan pihak luar, termasuk potensi penaja atau pengembang konsep Dapur HEP ke lokasi lain (Bukti 3).

Manakala pihak pengurusan **FLP-GAPS 2.0** pula menganjurkan **lawatan penambahbaikan** untuk membolehkan pasukan projek melihat secara langsung kaedah, sistem, dan inovasi yang dilaksanakan oleh pihak lain dalam bidang berkaitan (Bukti 4). Perkongsian pengalaman dan ilmu ini telah menyumbang kepada peningkatan operasi projek.

Hasil daripada amalan penambahbaikan berterusan, **Dapur HEP 2.0©** berjaya meraih **tempat ketiga dalam Pertandingan KIK Zon Timur** pada tahun 2024 (Bukti 5), sekali gus membuktikan kualiti pengurusan projek yang diiktiraf di peringkat nasional.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_A01\\_AB05\\_20251\\_Bukti 4.5.1.pdf](#)
2. [K0025\\_A01\\_AB05\\_20252\\_Bukti 4.5.2.pdf](#)
3. [K0025\\_A01\\_AB05\\_20253\\_Bukti 4.5.3.pdf](#)
4. [K0025\\_A01\\_AB05\\_20254\\_Bukti 4.5.4.pdf](#)
5. [K0025\\_A01\\_AB05\\_20255\\_Bukti 4.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Keterangkuman warga UiTMCSH dalam pengurusan sumber manusia yang diperkasa menjadi pemangkin kepada kejayaan misi, visi dan matlamat organisasi. **Sumber manusia merupakan nadi organisasi** yang memastikan kelancaran, perkembangan dan pencapaian strategik universiti. Kecekapan sumber manusia bermula daripada perancangan yang optimum berasaskan tadbir urus mantap, selaras dengan **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025** dan **Pelan Strategik UiTM 2025**.

Pengurusan Sumber Manusia di UiTMCSH dilaksanakan mengikut dasar serta peraturan semasa dengan penekanan terhadap penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan hati pemegang taruh. Sehubungan itu, UiTMCSH menekankan pengurusan sumber manusia yang efisien bagi melahirkan **modal insan kompeten, berpengetahuan, berkemahiran dan beretika positif** dalam menyumbang kepada pencapaian visi, misi dan objektif organisasi.

Pengurusan ini diperkasa melalui kaedah sistematik yang meliputi **perancangan, pelaksanaan, audit perjawatan, pemantauan, serta pengurusan risiko** secara berkesan agar objektif organisasi sentiasa berada pada landasan yang tepat. UiTMCSH turut melaksanakan penambahbaikan berterusan serta mengamalkan nilai **ESI (Excellence, Synergy, Integrity)** dan prinsip **iDART (integrity, Discipline, Accountability, Responsibility, Trustworthiness)** dalam kalangan warga kampus.

Melalui amalan pengurusan sumber manusia yang mantap ini, UiTMCSH bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi tetapi turut menyokong keberhasilan bidang tumpuan **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan**. Hal ini dapat dilihat melalui penglibatan warga dalam program berimpak tinggi seperti **Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System 2.0 (FLP-GAPS 2.0)** dan **Projek Dapur HEP 2.0**, yang menuntut kerjasama rentas warga, komuniti dan alumni.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### PERANCANGAN DAN KAEDAH PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perancangan Sumber Manusia UiTMCSH dibuat **secara sistematik melalui ADLI (Approach, Deployment, Learning dan Integration)** memfokuskan kepada peningkatan kompetensi global sejajar dengan aspirasi UiTM GRU2025 Globally Renowned University dan mendokong sepenuhnya hala tuju universiti melalui UiTM 2025 Strategic Plan Unleashing Potential Shaping the Future. Pengurusan sumber manusia yang efisien sentiasa memenuhi kehendak pemegang taruh, serta keperluan industri, pendidikan berkualiti selaras dengan hala tuju pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025.

Perancangan dan kaedah pengurusan sumber manusia **melalui Kecemerlangan Global dan Tadbir Urus yang mantap** serta tenaga kerja yang berprestasi tinggi merupakan dua dimensi di dalam empat komponen sistem sokongan RMK-12 UiTM yang menjadi fokus utama UiTMCSH bagi mencapai Visi dan Misi UiTM hingga 2025. Penilaian data, maklumat dari PTJ dan penambahbaikan serta inovasi yang terhasil melalui **bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama projek FLP-GAPS 2.0 dan Dapur BHEP 2.0** didokong dengan prestasi berorientasikan nilai dengan **pemetaan nilai iDART dan ESI** di kalangan warga UiTMCSH yang diwartakan kepada staf **melalui Amanat Rektor 2024 dan emel pemakluman kepada warga UiTM Cawangan Sabah.**

Perancangan sumber manusia yang **sistematik dan berstruktur** memperlihatkan pertambahan sumber tenaga di dalam kampus dan komuniti (keutamaan golongan B40). Melalui Projek Dapur HEP2.0 berjaya **melahirkan sukarelawan seramai 323** mahasiswa sepanjang tempoh pelaksanaan. Manakala penilaian dan analisis terhadap sumber manusia bagi memenuhi keperluan sebenar pelaksanaan projek projek FLP-GAPS 2.0 yang terdiri dari **15 orang penduduk kampung dan seterusnya melalui penambahbaikan serta inovasi ini sumber manusia keseluruhan melebihi 50 orang** termasuk ahli keluarga masing-masing yang menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama program FLP-GAPS telah diperincikan seperti jadual di bawah:

UiTMCSH memberi **penghargaan serta pengiktirafan** kepada setiap usaha serta sumbangan tenaga kerja yang dinilai melalui prestasi individu, kumpulan atau PTJ. Penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia mampu mengukuhkan kecemerlangan bakat, meningkatkan motivasi serta prestasi dan budaya kerja khususnya menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama program FLP-GAPS 2.0 dan Dapur BHEP 2.0. Penghargaan bersama komuniti, direalisasikan melalui penghargaan staf di **Majlis Makan Malam Penghargaan, pengiktirafan dan penghargaan ini dipaparkan melalui medium emel rasmi UiTM kepada warga UiTMCSH, melalui media sosial** seperti Facebook rasmi UiTMCSH dan poster serta keratan akhbar.

Berikut merupakan antara contoh poster pengiktirafan dan penghargaan yang telah diberikan dalam menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama program FLP-GAPS dan Dapur BHEP (lampiran 5.2. 1 hingga 5.2.5)

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20251\\_uitmcsabah sm lampiran 5.2.1 esi.pdf](#)
2. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20252\\_uitmcsabah sm lampiran 5.2.2 tenaga kerja.pdf](#)
3. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20253\\_uitmcsabah sm lampiran 5.2.3.pdf](#)
4. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20254\\_uitmcsabah sm lampiran 5.2.4.pdf](#)
5. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20255\\_uitmcsabah sm lampiran 5.2.5 majlis penghargaan dan surat penghargaan.pdf](#)
6. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20251\\_uitmcsabah sm lampiran 5.2.1 esi.pdf](#)

7. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20252\\_uitmcsabah sm lampiran 5.2.2 tenaga kerja.pdf](#)
8. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20253\\_uitmcsabah sm lampiran 5.2.3.pdf](#)
9. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20254\\_uitmcsabah sm lampiran 5.2.4.pdf](#)
10. [K0025\\_S01\\_SB02\\_20255\\_uitmcsabah sm lampiran 5.2.5 majlis penghargaan dan surat penghargaan.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan kaedah Pengurusan Sumber Manusia UiTMCSH **dikongsikan secara menyeluruh bermula dengan mengenalpasti proses, pelaksanaan peringkat bahagian/unit di UiTMCSH** dan seterusnya diperluaskan kepada jabatan dan fakulti serta disebarkan kepada UiTM seluruh Malaysia dan komuniti setempat. Model **Quintuple Helix (5R)** diintegrasikan secara jelas dan spesifik melalui pelaksanaan dalam mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan bersama projek FLP-GAPS 2.0 dan Dapur BHEP 2.0, pengurusan kampus telah menggunakan **kaedah pengurusan strategik SWOT analisis** bagi mengenal pasti keupayaan kelebihan, kekurangan, peluang dan halangan bagi membantu pengurusan kampus mengenal pasti tindakan keberkesanan pengurusan bagi menjayakan bidang tumpuan seperti rajah 5.3.1.

**Pelaksanaan meluas ke semua jabatan dan peringkat UiTM bermula melalui Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** dalam memperaku dan meluluskan Pembentangan Kertas Kerja, Pengurusan Latihan, Pembiayaan Yuran Penyertaan dan Pendaftaran Keahlian Profesional menggunakan peruntukan tabung latihan UiTMCSH dalam memastikan kejayaan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan.

Selain itu, kepakaran ini disebarluaskan kepada komuniti setempat dan kesukarelawan bagi menyahut saranan kerajaan untuk **reskilling dan menambah baik pengetahuan dan kepakaran** staf bagi menjayakan bidang tumpuan. Berikut merupakan kelayakan, kepakaran dan keahlian staf yang terlibat dalam menjayakan bidang tumpuan di bawah projek FLP-GAPS 2.0 (Rajah 5.3.2).

Peluasan Kecekapan Pengurusan Sumber Manusia **diperkasa dengan kemajuan teknologi dan pengurusan sistem** yang teratur. Sistem Pengurusan Sumber Manusia memastikan kelancaran dan kejayaan sesebuah organisasi khususnya UiTMCSH bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang tumpuan.

Melalui perluasan kaedah sumber manusia ini, **memfokuskan kepada kelebihan, kepakaran mahupun pengalaman staf** berkenaan. Ia disebarluaskan kepada komuniti setempat yang menguruskan bidang tumpuan melalui perkongsian dan penyebaran ilmu mengikut bidang kepakaran dan pengetahuan ahli akademik/staf pentadbiran. Pendekatan ini penting di dalam memastikan program/aktiviti yang dirancang akan dilaksanakan dengan cemerlang. Mekanisme ini didokong dengan sistem inventori kepakaran staf yang telah diselaraskan oleh bahagian terlibat. (Rajah 5.3.3)

Perluasan kaedah sumber manusia ini melalui projek FLP-GAPS 2.0 melibatkan 4 orang pensyarah dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Perakaunan dan Fakulti Perladangan & Agroteknologi. Seterusnya projek ini melantik pengurus dan penyelia dalam kalangan graduan menganggur sewaktu pandemik dan peserta dari golongan B40 serta komuniti setempat. Projek ini telah membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada perusahaan kecil dan sederhana tempatan dalam membantu melengkapkan infrastruktur dan infostruktur pusat hatcheri penternakan LAT, seterusnya dikembangkan ke pusat perkomersialan di Kampung Shabandar.

Perluasan sistem Sumber Manusia **melalui pengurusan latihan dan pembentangan kertas kerja yang efisien** telah membantu memberi kejayaan kepada projek FLP-GAPS 2.0. Kejayaan ini diterjemahkan melalui pembentangan kertas kerja dan penerbitan yang telah dimeterai bersama Springer Nature Singapore Pte Ltd. menerusi terbitan khas Springer ini. Kejayaan ini seterusnya mengangkat agenda GRU2025 yang memberi impak kepada reputasi UiTMCSH di persada antarabangsa (Rajah 5.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_S01\\_SB03\\_20251\\_uitmcsabah sm lampiran 5.3.1.pdf](#)
2. [K0025\\_S01\\_SB03\\_20252\\_uitmcsabah sm lampiran 5.3.2.pdf](#)
3. [K0025\\_S01\\_SB03\\_20253\\_uitmcsabah sm lampiran 5.3.3.pdf](#)
4. [K0025\\_S01\\_SB03\\_20254\\_uitmcsabah sm lampiran 5.3.4 penjanaan.pdf](#)
5. [K0025\\_S01\\_SB03\\_20255\\_uitmcsabah sm lampiran 5.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan Sumber Manusia **dilaksanakan dan hasil pemantauan** di analisa serta penambahbaikan dilakukan bagi menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama projek FLP-GAPS 2.0. Melalui projek FLP-GAPS 2.0 penggiliran kerja diwujudkan di mana petugas akan bekerja secara bergilir setiap hari. Jadual bekerja disediakan oleh penyelia kawasan. Jika pekerja mengalami masalah kesihatan atau **MC (Medical Certificate)**, akan diganti oleh petugas lain. Begitu juga dengan penyelia, jika penyelia tersebut mengalami masalah kesihatan atau MC (Medical Certificate), akan diganti oleh penyelia dari kawasan lain. Setiap penyelia akan membuat laporan kepada CEO menerusi aplikasi Whatsapp. Selain daripada itu, bagi memastikan projek ini sentiasa kekal bertahan, lawatan secara berkala ke hatcheri juga dilaksanakan oleh SIG Pelaksana. Pemantauan dilaksanakan melalui laporan yang dibentangkan di mesyuarat secara bersiri. **Mesyuarat siri 1 ialah Project Implementation Committee** (lampiran 5.4.1.1 hingga 5.4.1.5) yang dihadiri oleh SIG pelaksana, Pengurus dan Penyelia. Manakala mesyuarat siri 2 ialah Project Steering Committee yang terdiri daripada pihak Pengurusan UiTM Sabah dan SIG Pelaksana. Dalam siri 2 ini pihak TERAJU boleh dipanggil untuk turut serta menghadiri mesyuarat. Dan mesyuarat siri 3 ialah **Project Steering Committee** yang dipengerusikan oleh CEO TERAJU dan UiTMCSH diwakili oleh Rektor dan dihadiri oleh SIG Pelaksana. Melalui aktiviti ini, ia merupakan salah satu aktiviti meningkatkan Happiness Index Staff melalui jamuan dan mesyuarat di mana staf dapat berinteraksi secara dua hala dan berkesan serta penambahbaikan dilaksanakan..

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20251\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.1.1.pdf](#)
2. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20252\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.1.2.pdf](#)
3. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20253\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.1.3.pdf](#)
4. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20254\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.1.4.pdf](#)
5. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20255\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.1.5.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCSH telah melaksanakan **pengurusan risiko menggunakan teknik ADLI dan PDCA** bermula dengan daftar risiko, dinilai dan dianalisa serta mengenal pasti dan memilih pendekatan kos efektif secara sistematik dan mudah bagi mengurangkan kesan berlakunya ancaman bagi memastikan kejayaan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Sukarelawan menerusi projek FLP-GAPS 2.0 dan Dapur BHEP 2.0. Melalui kaedah ini semua risiko telah dianalisis, tindakan pencegahan dan penambahbaikan telah diambil. UiTMCSH telah melaksanakan pemantauan, hasil pemantauan dianalisis dan penambahbaikan bagi menjayakan bidang tumpuan ini dalam pengurusan risiko yang dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Bagi mengatasi kategori risiko tahap rendah, antara pelan tindakan yang diambil adalah **pemasangan CCTV dan Lampu Limpah (Spotlight)**, penempatan Penyelia di setiap tapak dan pemberian latihan kepada peserta dan penyelia tapak projek. (Rajah 5.4.2.1- Rajah 5.4.2.5)

Antara tindakan yang diambil bagi memastikan persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif adalah melalui pengumpulan data dan maklumat serta analisa untuk penambahbaikan. Hasil analisa data telah diambil tindakan dengan efisien dan efektif serta dikongsi kepada warga UiTM dan Komuniti setempat. Projek FLP-GAPS 2.0 dan Dapur BHEP 2.0. Perbincangan melibatkan pelaksana, rakan kolaborasi dan pemimpin komuniti (JKKK Kayu Madang) tertumpu kepada persetujuan dan kerjasama untuk merangka pelan Tindakan pelaksanaan program. Ini termasuklah pemilihan peserta, merangka aktiviti lapangan dan kolaborasi dengan pihak-pihak berkepentingan.

Pemantauan pengurusan risiko ini telah berjaya melahirkan sukarelawan dan membasmi kemiskinan di kalangan B40 yang terdiri daripada graduan menganggur, pesara, belia penganggur dan wanita beserta ibu tunggal. peserta telah mula menuai hasil selepas sebulan operasi sepenuhnya dimulakan terutamanya sayur-sayuran yang hanya memerlukan 4-5 minggu *harvest*. Manakala untuk lobster air tawar dan ternakan ikan perlu menunggu 4-6 bulan untuk *harvest*.

Keadaan di lapangan sangat terkawal dengan kadar kematian ternakan lobster dan ikan yang sangat minima. Ini kerana semua peserta telah dibekalkan dengan alat-alat kawalan kestabilan air selain makanan tambahan ternakan dan penjagaan yang sistematik

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20251\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.2.1.pdf](#)
2. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20252\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.2.2.pdf](#)
3. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20253\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.2.3.pdf](#)
4. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20254\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.2.4.pdf](#)
5. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20255\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.2.5.pdf](#)

### 5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam menjayakan bidang tumpuan, projek FLP-GAPS 2.0 menjalankan **pemantauan berterusan oleh pengurusan, pengurusan risiko** juga menjadi salah satu aspek penting yang diberi perhatian demi memastikan kualiti kepuasan hati sumber manusia dapat diatasi dengan sistematik dan berhemah. Adalah menjadi keutamaan pengurusan untuk memastikan penambahbaikan dan pemantapan sistem pengurusan risiko yang berkesan dan mendepani isu-isu berkaitan dengan persekitaran kerja yang kondusif bagi memastikan kejayaan bidang tumpuan.

Antara tindakan penambahbaikan untuk pengurusan risiko adalah **Penempatan Tangki Biru berbanding kolam tanah yang berisiko tinggi**. Bagi pengurusan lean budget dan penyeliaan mengikut giliran di antara penyelia dan peserta. Selain itu, penambahbaikan yang menjadi teras kepada projek FLP-GAPS 2.0 ialah penggunaan konsep hijau yang merangkumi bahan-bahan organik, patuh syariah, penggunaan sumber kitar semula/tempatan dan mesra alam. Berikut merupakan penempatan tangki biru dan rajah penambahbaikan. Rajah 5.4.3.2 memaparkan inovasi pengubahsuaian model sedia ada di peringkat antarabangsa menjadi model berteraskan konsep hijau seperti yang dibincangkan sebelum ini. Selain **mengkaji semula proses dan penyelidikan berterusan, penambahbaikan dilaksanakan bagi memberi nilai tambah dan mutu perkhidmatan serta hasil yang memberi manfaat kepada semua**. Rajah 5.4.3.4 menunjukkan penambahbaikan jadual bertugas sukarelawan Dapur BHEP 2.0 sebelum ini hanya bertugas mengikut masa lapang masing-masing dan penambahbaikan yang lebih teratur dan berstruktur melalui jadual bertugas yang terancang. (Rajah 5.4.3.1 – Rajah 5.4.3.5)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20251\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.3.1.pdf](#)
2. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20252\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.3.2.pdf](#)
3. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20253\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.3.3.pdf](#)
4. [K0025\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20254\\_uitmcsabah sm lampiran 5.4.3.4.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Melalui keberkesanan tindakan penambahbaikan bagi bidang tumpuan ini, UiTMCSH telah **menghasilkan pemindahan ilmu kepada pelajar penyelidikan, latihan industri, agensi kerajaan, industri kecil sederhana, peserta dan komuniti**. Amalan Pembudayaan ini bermula di dalam kampus melalui pelajar fakulti, program Diploma Perladangan dan Agroteknologi dan Pelajar Sarjana Penyelidikan serta staf UiTMCSH. Seterusnya diperingkat luar UiTM iaitu agensi kerajaan (SLDB), IPT (Kolej Vokasional Lahad Datu), dan komuniti setempat. Pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan melalui bidang tumpuan, projek FLP-GAPS 2.0 telah menghasilkan MITLAT (mini Inkubator Ternakan LAT) di Unit Ladang dan pemindahan teknologi dari konsultan ke pengurus, penyelia, peserta, pelaksana dan komuniti serta yang terkini Projek ini melibatkan empat rakan kolaborasi utama, iaitu Kementerian kewangan sebagai penyedia dana program. UiTM melalui ICAN sebagai perantara dan penyelar program seluruh Malaysia di bawah UiTM dan UiTM Sabah melalui SIG Tocodes sebagai pelaksana projek. JKKK Kg. Kayu Madang pula sebagai pihak yang mengurus dan menyelaras peserta daripada komuniti. Bagi memastikan pelaksanaan yang memenuhi piawaian pasukan pelaksana turut berkolaborasi dengan rakan industri, Tocodes Legacy Sdn Bhd yang menjadi benchmark dan pemudahcara dalam kerja-kerja penyediaan dan pemasangan set peralatan akuaponik. Kolaborasi lapangan yang berlaku adalah secara sukarela dan tidak melibatkan impak kewangan tambahan (Rajah 5.5.1 – Rajah 5.5.5) .

Kejayaan bidang tumpuan bersama projek FLP-GAPS 2.0 dan Dapur BHEP 2.0 adalah melalui kerjasama di bawah konsep Model Quintuple Helix (5R) diintegrasikan bersama Strategi Lautan Putih (White Ocean Strategy) dimana situasi menang-menang dijadikan teras sinergi di antara pemegang taruh. Di samping Strategi Lautan Putih, Usahasama Islamik Mudharabah-Wakalah (UIMW) diperkenalkan bagi mewujudkan sebuah konsesi Special Purpose Vehicle (SPV) – OnTheGo Cafeteria iaitu cafe hipster di dalam kampus yang memberi peluang pekerjaan kepada pelajar dan graduan UiTM serta komuniti setempat. UiTMCSH melalui Panel Pengurusan Sumber Manusia (PPSM) dan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) sentiasa menyediakan peluang dan ruang kepada staf/pelajar untuk menghadiri latihan/kursus bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran.

Amalan terbaik adalah satu proses yang biasa dilakukan secara berterusan sehingga ianya akan menjadi ikutan kepada individu/organisasi yang secara langsung atau tidak langsung akan memberikan kebaikan. Dalam pada itu, dengan kepelbagaian pengalaman/kepakaran, pihak pengurusan sangat terbuka dan menggalakkan siri perkongsian ilmu yang memberi manfaat kepada komuniti setempat di peringkat bahagian/unit dilaksanakan secara konsisten melalui bidang tumpuan. Secara tidak langsung, sesi ini akan mampu mencetuskan inspirasi kepada individu/kumpulan/komuniti.

Dalam menjayakan bidang tumpuan, UiTMCSH telah mengambil langkah proaktif melalui pengurusan teknologi dan digital sejajar dengan perkembangan sistem maklumat dan tenaga kerja tangkas. Antara inovasi yang terhasil adalah peralihan sistem manual kepada automasi merangkumi medium penyebaran maklumat dan informasi, penyampaian perkhidmatan dan penghargaan serta pengiktirafan sumber manusia di UiTMCSH. Penyampaian perkhidmatan dan integrasi sistem daripada manual kepada automasi meningkatkan tahap kegirangan pelanggan dan pemegang taruh serta penjimatan tenaga kerja, masa dan kewangan universiti. Selain daripada itu, integrasi manual kepada digital bagi media komunikasi dan penyebaran maklumat serta informasi bagi tenaga kerja UiTMCSH adalah Group Whatsapp, Website, Facebook, Instagram dan Youtube UiTMCSH membantu mempromosi dan menjayakan bidang tumpuan ini.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_S01\\_SB05\\_20251\\_uitmcsabah sm lampiran 5.5.1.pdf](#)

2. [K0025\\_S01\\_SB05\\_20252\\_uitmcsabah sm lampiran 5.5.2.pdf](#)
3. [K0025\\_S01\\_SB05\\_20253\\_uitmcsabah sm lampiran 5.5.3.pdf](#)
4. [K0025\\_S01\\_SB05\\_20254\\_uitmcsabah sm lampiran 5.5.4.pdf](#)
5. [K0025\\_S01\\_SB05\\_20255\\_uitmcsabah sm lampiran 5.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH) komited memperkukuh hubungan bersama alumni, komuniti dan pelajar melalui pelaksanaan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan yang dirangka berasaskan kerangka **Plan-Do-Check-Act (PDCA)**. Pendekatan ini dilaksanakan secara sistematik, telus dan inklusif, selaras dengan aspirasi **Pelan Strategik UiTM2025, RMK-12** serta hala tuju **Sabah Maju Jaya**.

#### **Plan (Perancangan):**

UiTMCSH mengamalkan pendekatan berstruktur berasaskan Piagam Pelanggan dan model **Quintuple Helix-5R** yang menekankan penglibatan kerajaan, komuniti, industri, universiti dan persekitaran. Pengesanan alumni diperkukuh melalui aplikasi **MyAlumni UiTM**, manakala komuniti disaring melalui kajian lapangan. Kesemua data pelanggan disimpan dalam **sistem PRIME, Smart, dan SiMS** bagi tujuan pemantauan dan verifikasi.

#### **Do (Pelaksanaan):**

Semua projek komuniti dan kesukarelawan dilaksanakan mengikut garis panduan UiTM serta dipetakan kepada **Petunjuk Prestasi (PI)** dan penarafan **MyRA Bintang**. Dua projek mega menjadi teras utama:

- **FLP-GAPS 2.0 Mesra Komuniti**: menggabungkan sistem akuaponik moden, penghasilan suplemen lobster (MMF/MFF), serta inovasi Deep Water Bore Technique, yang meningkatkan pendapatan isi rumah B40 daripada RM500 kepada RM1,200 sebulan.
- **Dapur HEP 2.0©**: memastikan kebajikan lebih 70% pelajar B40 dengan penyediaan makanan percuma dua kali sehari, disokong oleh kempen “**1 Staf, 1 Kampit Beras**”, sumbangan alumni, komuniti dan NGO.

#### **Check (Pemantauan):**

Prestasi projek dipantau melalui laporan CNC, MKSP, PRIME dan soal selidik pelanggan. Data dianalisis setiap suku tahun dan dibentangkan dalam **SAP2024**, sekali gus membantu mengenal pasti kelemahan serta mencadangkan langkah penambahbaikan. Bagi FLP-GAPS, milestone utama seperti latihan teknikal, pemasangan sistem akuaponik, dan penyerahan benih lobster dipantau secara berkala. Bagi Dapur HEP, rekod sumbangan kewangan/barangan dan agihan makanan dianalisis bagi menjamin keberkesanan dan kelestarian operasi.

#### **Act (Tindakan Penambahbaikan):**

Maklum balas pelanggan telah membawa kepada inovasi baharu. FLP-GAPS melaksanakan sistem close aquaponic dan koperasi **KOPKLUS** sebagai rangkaian ekonomi komuniti. Dapur HEP pula memperkenalkan **Grab & Go, Foodbank, dan ruang memasak kolej** hasil cadangan pelajar. Kedua-dua projek turut menerima pengiktirafan melalui pendaftaran **MyIPO** serta kemenangan dalam **Konvensyen KIK Zon Borneo (Kumpulan Gagak Hitam)**.

#### **Kesimpulan:**

Pelaksanaan PDCA yang konsisten membuktikan UiTMCSH bukan sahaja berjaya mencapai sasaran PI, malah mencipta inovasi, meningkatkan impak sosial dan ekonomi, serta memperkukuh keterlibatan pelanggan. Kejayaan ini menegaskan peranan UiTMCSH sebagai **agen perubahan sosial berimpak tinggi** yang mampan dan inklusif.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH) telah merangka perancangan operasi secara sistematik dengan mengambil kira elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan bagi memastikan pelaksanaan program libat urus bersama komuniti dan alumni dapat dijalankan secara efisien dan berimpak tinggi. Perancangan ini berteraskan kepada **Garis Panduan Jaringan Komuniti UiTM** serta diperkukuh dengan **Model Quintuple Helix-5R**, yang menggabungkan lima subsistem utama – kerajaan, industri, komuniti, universiti, dan persekitaran – dalam menggerakkan bidang tumpuan.

Lima (5) elemen utama perancangan adalah seperti berikut:

### 1. Perancangan

Objektif yang jelas ditetapkan bersama struktur tadbir urus, perundangan, proses pelaksanaan, peranan pemegang taruh serta jangkaan hasil yang diharapkan.

### 2. Kumpulan Sasaran

Komuniti dikenal pasti sebagai entiti utama yang dihormati dalam menangani isu kesejahteraan sosial dan budaya setempat (Bukti 1).

### 3. Mekanisme Penyampaian

Penyertaan komuniti digalakkan secara menyeluruh dan saksama melalui inisiatif yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat.

### 4. Kelestarian

Kerjasama strategik dirancang bagi memastikan hubungan yang berterusan dan impak jangka panjang menerusi pelan pembangunan komuniti.

### 5. Nilai dan Budaya

Pelaksanaan program berteraskan prinsip integriti, amanah dan kebertanggungjawaban terhadap semua pihak berkepentingan.

Dalam aspek jaringan alumni, UiTMCSH memanfaatkan pangkalan data **MyAlumni UiTM** untuk mengenal pasti kepakaran dan potensi alumni. Maklumat ini digunakan untuk mendapatkan sumbangan kepakaran serta sokongan kewangan dalam pelaksanaan program akademik dan bukan akademik, contohnya melalui penganjuran **Majlis Makan Malam Gala 2024 UiTM** (Bukti 2).

Sebagai contoh pelaksanaan, projek **Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System 2.0 (FLP-GAPS 2.0)** yang bermula pada April 2020 telah memberi impak signifikan terhadap pembangunan sosioekonomi komuniti. Projek ini menyediakan kemudahan infrastruktur, peluang pekerjaan, peningkatan pendapatan serta latihan dan bimbingan berterusan. Pelaksana turut membangunkan **Standard Operating Procedure (SOP)** khusus yang disesuaikan dengan keperluan projek komuniti (Bukti 3).

Di samping itu, UiTMCSH turut memberi tumpuan kepada kebajikan pemegang taruh utama, iaitu mahasiswa. Berdasarkan data, lebih 70% pelajar UiTMCSH terdiri daripada golongan B40. Kesedaran terhadap realiti ini mendorong penubuhan **Dapur HEP©**, yang berfungsi sebagai inisiatif kebajikan bagi menangani isu kelaparan dan memastikan kesejahteraan pelajar, sekali gus menyokong kelestarian akademik dan kesejahteraan kampus (Bukti 4).

Bagi menjamin kelancaran tadbir urus kesukarelawan bersama komuniti serta kebajikan mahasiswa, UiTMCSH memastikan proses permohonan aktiviti dilaksanakan secara lengkap melalui penyediaan kertas kerja, borang permohonan, surat kelulusan dan semakan dokumentasi sebelum sesuatu aktiviti dijalankan (Bukti 5).

## Kesimpulan

Pendekatan operasi UiTMCSH bukan sahaja menekankan sistematik dan keberkesanan, malah mengintegrasikan **prinsip Quintuple Helix-5R: Relation** (hubungan pintar antara subsistem),

*Reduction* (pengoptimuman kos & sumber), *Reform* (inovasi teknikal & sosial), *Return* (pulangan ekonomi, sosial & akademik) dan *Resilience* (daya tahan & kelestarian projek). Pendekatan ini menjadikan UiTMCSH sebagai contoh universiti komuniti yang berdaya saing, berimpak tinggi serta mampu memberi manfaat berterusan kepada komuniti, alumni, pelajar dan negara.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_O01\\_OB02\\_20251\\_LOI UITM SABAH SEJATI MADANI.pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB02\\_20252\\_LAPORAN MAJLIS MAKAN MALAM GALA 24.pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB02\\_20253\\_FLP 2.0 full report.pdf](#)
4. [K0025\\_O01\\_OB02\\_20254\\_Bukti AKNC - Kriteria 6 \(1\).pdf](#)
5. [K0025\\_O01\\_OB02\\_20255\\_Petikan Minit JKEN Penubuhan Dapur HEP.pdf](#)

## 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

### Pendekatan Sistematis Berasaskan PDCA

Sebagai usaha memperkukuh pengurusan operasi bidang tumpuan, UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH) telah melaksanakan pendekatan berstruktur berteraskan **model Plan–Do–Check–Action (PDCA)**. Model ini diintegrasikan dengan prinsip **Engagement, Integration** serta elemen **Relation** daripada **Quintuple Helix–5R**, bagi memastikan semua pihak berkepentingan terlibat secara menyeluruh dan manfaat program sampai kepada komuniti sasaran.

#### Plan

UiTMCSH menggunakan sistem **MyAlumni UiTM** untuk merekod serta mengemas kini maklumat bilangan dan kepakaran alumni. Tinjauan berkala turut dijalankan bagi memastikan data kerjaya dan kepakaran alumni sentiasa terkini. **Bengkel Perancangan Strategik** serta **Laporan Piagam Pelanggan** digunakan untuk mengenal pasti komuniti setempat yang memerlukan kepakaran UiTMCSH. Pendekatan ini mengintegrasikan kerjasama fakulti, industri, komuniti dan alumni, sekali gus memperkukuh **Relation** sebagai pemangkin pembangunan komuniti. (*Bukti 1*)

#### Do

Berdasarkan data terkini, UiTMCSH melibatkan alumni dan warga universiti sebagai fasilitator serta penceramah dalam pelbagai program komuniti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara program utama ialah **Pemberdayaan Ekonomi Lestari Komuniti B40 melalui projek FLP-GAPS 2.0 (Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System)**. Pelaksanaan ini mencerminkan komitmen UiTMCSH dalam memperkukuh **Engagement** serta memperluas manfaat sosial, ekonomi dan akademik kepada komuniti. (*Bukti 2*)

#### Check

Pemantauan berterusan dilaksanakan melalui laporan projek seperti **PRIME, Community Network Centre (CNC)** dan **Laporan Program Kepakaran Alumni**. Laporan-laporan ini menjadi instrumen penting untuk menyemak prestasi, impak serta perkembangan projek. Data berkenaan dibincangkan secara formal dalam **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** serta **Bengkel Perancangan Strategik**. Mekanisme ini mengukuhkan **Integration** antara penilaian prestasi, maklum balas pelanggan dan strategi penambahbaikan. (*Bukti 3*)

#### Action

Hasil semakan dan perbincangan diterjemahkan kepada tindakan penambahbaikan, sama ada dari segi **SOP**, strategi komunikasi mahupun inovasi baharu dalam operasi projek. Semua tindakan ini disepadukan dalam **Rancangan Strategik UiTMCSH** seterusnya, bagi memastikan projek kekal berimpak tinggi serta mendukung nilai akauntabiliti, keberkesanan operasi dan kelestarian hubungan dengan komuniti. (*Bukti 4*)

PTJ turut mengambil pendekatan mengadakan **bengkel penambahbaikan projek komuniti**, di mana setiap empunya projek diwajibkan mengikuti bengkel ini sebelum memulakan pelaksanaan. Bengkel tersebut dilaksanakan berdasarkan dapatan analisis projek tahun sebelumnya. (*Bukti 5*)

### Kesimpulan

Keseluruhannya, pendekatan sistematik berasaskan **PDCA**, yang disokong oleh prinsip **Engagement**, elemen **Integration** dalam **ADLI**, serta **Relation** daripada **Quintuple Helix–5R**,

mempbolehkan UTM MCSIH melaksanakan objektif bidang tumpuan dengan lebih berkesan, berdaya tahan (**Resilience**) dan memberi impak mampan kepada komuniti, alumni, pelajar serta pihak berkepentingan lain.

**SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_O01\\_OB03\\_20251\\_LAPORAN MAJLIS MAKAN MALAM GALA 24.pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB03\\_20252\\_LAPORAN PENCAPAIAN CNC UiTM SABAH TAHUN 2024 \(2\).docx.pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB03\\_20253\\_PRIME as at 30 December 2024.pdf](#)
4. [K0025\\_O01\\_OB03\\_20254\\_DOKUMEN LAPORAN PENGURUSAN RISIKO PROJEK FLP-GAPS 2.0.pdf](#)
5. [K0025\\_O01\\_OB03\\_20255\\_Laporan penuh bagi Bengkel Pengisian Maklumat Jaringan Komuniti ke dalam Sistem Prime anjuran.docx \(1\).pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian pelaksanaan projek komuniti, **UiTMCSH melalui SIG TOCODES dengan kerjasama ICAN UiTM Shah Alam serta rakan industri Tocodes Legacy Sdn. Bhd.** telah membangunkan **Standard Operating Procedure (SOP) khusus bagi Projek FLP-GAPS 2.0** (Bukti 1).

SOP ini berasaskan **tiga prinsip utama** iaitu **kawalan kualiti operasi, pemindahan ilmu secara sistematik, serta kelestarian komuniti**. Dari aspek Deployment, SOP dirangka dengan teliti merangkumi **saringan komuniti sasaran, pembangunan modul latihan, panduan teknikal operasi akuaponik, serta mekanisme pemantauan berkala**. Pendekatan ini meningkatkan keberhasilan projek, antaranya melalui **penuaian berjadual yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah peserta komuniti B40 daripada RM500 kepada purata RM1,200 sebulan**, di samping **mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan penjanaan usahawan sosial** (Bukti 2).

Dalam konteks kelestarian, SOP turut memperuntukkan strategi **penjanaan semula modal komuniti melalui tabung khas**. Kaedah ini membolehkan komuniti **mengurus projek secara berdikari**, mengurangkan pergantungan penuh kepada universiti, serta memperkukuh **daya tahan ekonomi komuniti desa** selaras dengan perspektif *Society* dalam **Model Quintuple Helix-5R (Relation & Resilience)** (Bukti 3).

Selain itu, **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) UiTMCSH** melaksanakan **pemantauan berstruktur terhadap operasi Dapur HEP 2.0©**. Sistem **pelaporan bulanan, pemeriksaan fizikal di tapak, serta pemantauan sukarelawan berjadual** dilaksanakan bagi memastikan **kualiti makanan dan tahap kebersihan** sentiasa dipatuhi. **Pelantikan ketua sukarelawan** berfungsi sebagai mekanisme penyelarasan tugas. Analisis data menunjukkan **lebih 70% pelajar B40 menerima makanan percuma sekurang-kurangnya dua kali sehari**, sekali gus **mengurangkan beban sara hidup dan meningkatkan kesejahteraan pelajar** (Bukti 4).

Pada setiap akhir semester, **laporan impak disediakan** meliputi **data penggunaan, bilangan pelajar penerima manfaat, serta maklum balas pengguna**. Data ini digunakan sebagai asas kepada tindakan penambahbaikan, misalnya **pewujudan sistem Grab & Go dan Foodbank** hasil cadangan pelajar sendiri. Proses ini mencerminkan komitmen UiTMCSH terhadap **akauntabiliti**, di mana maklum balas dijadikan **dasar operasi baharu yang lebih responsif** (Bukti 5).

Keseluruhannya, **pemantauan bersepadu** ini bukan sahaja membuktikan UiTMCSH mengamalkan **budaya komunikasi telus, akauntabiliti tinggi dan pembelajaran berterusan**, malah berjaya menyumbang secara langsung kepada pencapaian **PI080 (khidmat kepakaran alumni), PI076 (pemindahan ilmu), PI028 (kesukarelawan), dan PI136 (zero poverty program)**. Pendekatan ini memastikan setiap program memberi **manfaat bermakna serta berimpak tinggi** kepada pelanggan utama universiti – **komuniti, pelajar, alumni, industri dan kerajaan**.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20251\\_FLP 2.0 full report.pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20252\\_FLP 2.0 full report.pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20253\\_PMDRUM\\_EDITED\\_PSC Bil.3.2024 FLP-GAPS UiTM SABAH 16 Dec 2024\(1\).pdf](#)
4. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20254\\_Bukti AKNC - Kriteria 6 \(2\).pdf](#)
5. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20255\\_MAKLUMBALAS PENGGUNAAN DAPUR HEP.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

rojek FLP-GAPS 2.0 dilaksanakan secara sistematik berasaskan prinsip **pengurusan risiko** bagi mengenal pasti, menganalisis dan mengawal potensi ancaman. Melalui pendekatan berstruktur ini, impak negatif terhadap pengeluaran, kualiti produk, pendapatan peserta dan kelangsungan operasi dapat diminimumkan. Di peringkat PTJ, risiko sentiasa dikenal pasti dan langkah pencegahan turut dikemas kini dari semasa ke semasa.

UiTMCSH komited dalam menambah baik pengurusan risiko dengan memastikan **Jawatankuasa Risiko UiTMCSH bermesyuarat tiga (3) kali setahun** (Bukti 5) bagi membincangkan risiko baharu serta strategi mitigasi yang sesuai. Pelaksanaan ini menekankan **akauntabiliti dan tadbir urus berintegriti**. (Bukti 1)

### Objektif Pengurusan Risiko FLP-GAPS 2.0

- Mengurangkan gangguan operasi melalui langkah pencegahan.
- Memastikan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) projek.
- Meminimumkan kerugian akibat risiko yang dikenal pasti.
- Memaksimumkan peluang kejayaan projek.
- Membina daya tahan komuniti terhadap cabaran masa hadapan melalui penglibatan dan keterangkuman. (Bukti 2)

### Kaedah Pengurusan Risiko (Approach)

1. **Pengenalpastian Risiko** – Risiko teknikal, kewangan, sosial, pemasaran dan faktor luar jangka dikenal pasti berdasarkan laporan tapak dan prestasi KPI.
2. **Analisis Punca** – Pemerhatian berterusan, pengukuran parameter air dan semakan data dilaksanakan untuk mengenal pasti punca sebenar masalah.
3. **Perancangan Kawalan** – Pelaksanaan SOP hatcheri & kolam, penggunaan sistem tertutup, kerjasama teknikal melalui LOI dengan Arbaah Sdn. Bhd. dan Bongawan Farm, serta penubuhan OTG Café sebagai saluran pemasaran.
4. **Tindakan Segera** – Pembetulan operasi, pembaikan sistem dan pengukuhan strategi pemasaran dilaksanakan secara berjadual.
5. **Pegawai Bertanggungjawab (PIC)** – Setiap risiko ditetapkan pegawai bertanggungjawab (delegation of responsibility) bagi memastikan keberkesanan tindakan. (Bukti 3)

**Projek Dapur HEP 2.0©** turut menitikberatkan **pengurusan risiko keselamatan operasi**. Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) melaksanakan langkah pencegahan dengan menyediakan **poster peringatan, hebahan melalui WhatsApp Group pelajar dan arahan keselamatan di lokasi**. Langkah ini bertujuan mengurangkan risiko kecederaan atau kemalangan dalam kalangan mahasiswa sebagai pengguna utama. (Bukti 4)

Melalui pendekatan **Approach** dalam kerangka **ADLI** serta penglibatan pelbagai pihak mengikut **Model Quintuple Helix (akademia, industri, komuniti, kerajaan dan alam sekitar)**, pengurusan risiko FLP-GAPS 2.0 dan Dapur HEP 2.0© bukan sahaja memperkukuh kecekapan operasi, malah berjaya **membina komuniti yang lebih berdaya tahan, inklusif, inovatif dan berdaya saing**.

### SENARAI BUKTI :

1. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20251\\_DOKUMEN LAPORAN PENGURUSAN RISIKO PROJEK FLP-GAPS 2.0.pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20252\\_DOKUMEN LAPORAN PENGURUSAN RISIKO PROJEK FLP-GAPS 2.0.pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20253\\_DOKUMEN LAPORAN PENGURUSAN RISIKO PROJEK FLP-GAPS 2.0.pdf](#)
4. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20254\\_Bukti AKNC - Kriteria 6 \(3\).pdf](#)
5. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20255\\_Minit JK Risiko.pdf](#)

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan keberkesanan dan kelestarian **Projek FLP-GAPS 2.0**, pelbagai tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan secara berterusan. Antara langkah utama termasuk usaha **mengurangkan kadar kematian lobster** melalui penghasilan suplemen makanan khusus *MMF* dan *MFF*, penggunaan sistem tertutup yang lebih terjamin, serta pembangunan **SOP baharu** bagi operasi hatcheri dan kolam. Di samping itu, kelemahan operasi ditangani melalui kerjasama teknikal dengan **Arbaah Sdn. Bhd.** dan **Bongawan Farm**, yang bertindak sebagai rakan strategik dalam meningkatkan keupayaan teknikal projek. *(Bukti 1)*

Dari aspek pemasaran, **rantaian pasaran** diperkukuh dengan penubuhan **OTG Café Bas di MySET** sebagai platform utama, selain memperluas kolaborasi bersama industri untuk memastikan pasaran lebih stabil dan mampan. Aspek kawalan kos turut diberi penekanan melalui **pengubahsuaian skop kerja, reka bentuk semula infrastruktur bangunan, serta strategi penjimatan kos operasi.** *(Bukti 2)*

Selain itu, komitmen peserta diperkasa melalui **bimbingan berterusan, penambahan bilangan peserta baharu, serta pemeraksanaan koperasi komuniti** sebagai mekanisme sokongan ekonomi. Langkah ini memastikan kesinambungan projek dan meningkatkan daya tahan (**Resilience**) komuniti B40 terhadap cabaran semasa dan masa hadapan. *(Bukti 3)*

Secara keseluruhan, tindakan penambahbaikan ini bukan sahaja menyokong pencapaian **KPI projek** dan **penarafan MyRA**, malah memperkukuh integrasi **Quintuple Helix** – kerajaan (MOF-UniMADANI), industri (Arbaah, Bongawan Farm), komuniti (B40), universiti (UiTMCSH), serta alam sekitar (sistem mesra hijau). Pendekatan sistematik ini mencerminkan budaya pembelajaran berterusan (**Learning**) dalam kerangka **ADLI**, berasaskan komunikasi dan akauntabiliti yang telus, serta mengutamakan **Return** kepada semua pihak berkepentingan. *(Bukti 4)*

Di samping itu, **analisis maklum balas pelanggan** turut menjadi asas kepada penambahbaikan operasi bidang tumpuan. Secara lazimnya, penambahbaikan hanya tertumpu kepada aspek pelaksanaan projek, namun bagi UiTMCSH, pelanggan, pengguna dan semua pihak yang terlibat menjadi nadi utama. **Maklum balas peserta dan pelanggan projek komuniti seperti FLP-GAPS 2.0 dianalisis secara sistematik**, dan hasil dapatan tersebut digunakan bagi memperkukuh strategi penambahbaikan pada fasa berikutnya. *(Bukti 5)*

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20251\\_HJ - LOI ARBAAH \(SIGNED\).pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20252\\_New PMC template June 2024 - FLP-GAPS.pptx \(1\).pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20253\\_FLP 2.0 full report.pdf](#)
4. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20254\\_FLP 2.0 full report.pdf](#)
5. [K0025\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20255\\_FLP 2.0 Analisa pelanggan.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan hasil daripada penambahbaikan bidang tumpuan di UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH) telah berjaya mewujudkan suasana kerja yang mementingkan **kebersamaan (Inclusivity)** dan keterlibatan menyeluruh warga kampus dalam aktiviti komuniti dan kesukarelawan. Peningkatan signifikan jumlah projek komuniti di peringkat persatuan pelajar, seperti *Program Tautan Kasih Bersama Anak Yatim HOME Tuaran* anjuran JPK dan *Program Infaq Kurma: Misi Kasih Ramadhan* anjuran Persatuan Diploma Perakaunan UiTMCSH, membuktikan keberhasilan budaya ini. (Bukti 1)

Jika sebelum ini aktiviti kesukarelawan lebih tertumpu kepada PJIM&A dan HEP, kini penglibatan diperluas kepada **fakulti, persatuan pelajar, alumni, staf, dan komuniti setempat**. Pendekatan ini selaras dengan prinsip **Integration (ADLI)** dan model **Quintuple Helix-5R**, yang menekankan kerjasama erat antara **universiti, komuniti, industri, kerajaan dan alam sekitar**. Keberhasilan ini juga menyokong pencapaian **PI028 (Kesukarelawan), PI076 (Pemindahan Ilmu), dan PI080 (Khidmat Alumni)** serta penarafan **MyRA Bintang** yang ditetapkan universiti.

Selain itu, bilangan alumni yang berkongsi kepakaran melalui sesi perkongsian ilmu meningkat setiap semester, memperkukuh budaya **knowledge sharing**. Projek *Dapur HEP© 1.0* dan *Dapur HEP© 2.0*, yang menyediakan sumbangan makanan kepada pelajar, menjadi bukti bagaimana budaya kesukarelawan diperkasakan secara konsisten. Malah, projek ini telah diperluaskan ke luar kampus melalui pelancaran *Dapur HEP* di **Sekolah Indonesia Kota Kinabalu (SIKK)**, membuktikan **skala replikasi antarabangsa**. (Bukti 2)

Dari sudut kelestarian, UiTMCSH menekankan pembudayaan amalan kerja **cekap dan berdaya tahan (Resilience)** melalui proses **perancangan, pelaksanaan, pemantauan risiko, serta tindakan penambahbaikan**. Amalan ini memastikan projek komuniti bukan sahaja dapat berfungsi dalam keadaan normal, malah mampu menyesuaikan diri ketika berdepan cabaran seperti krisis ekonomi, pandemik atau kekangan kewangan. (Bukti 3)

Selain itu, budaya **komunikasi terbuka** antara staf, pelajar, alumni dan pemegang taruh turut diperkukuh. Mekanisme ini memastikan semua pihak dapat memberikan maklum balas secara berterusan, sekali gus menyumbang kepada proses **Continuous Quality Improvement (CQI)**. UiTMCSH juga memastikan semua projek komuniti dan kesukarelawan mematuhi garis panduan rasmi universiti serta sistem pemantauan yang telah ditetapkan (PRIME, SMART, MyAlumni), selaras dengan prinsip **akauntabiliti dan ketelusan**. (Bukti 4)

**Kesimpulannya**, pembudayaan bidang tumpuan di UiTMCSH tercapai melalui integrasi usaha penambahbaikan berterusan, semangat kebersamaan, serta sokongan pelbagai pihak. Amalan ini bukan sahaja memperkukuh **Relation** antara warga kampus, komuniti dan alumni, malah membuktikan UiTMCSH sebagai model universiti komuniti yang berimpak tinggi di Sabah. Pendekatan ini memastikan semua inisiatif menyumbang kepada agenda universiti dan negara seperti **RMK-12, UiTM2025, dan SDG 2030**, (Bukti 5) serta melahirkan komuniti yang inklusif, berdaya tahan dan berdaya saing

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0025\\_O01\\_OB05\\_20251\\_EDITED\\_PMDRUM\\_A\\_Templat\\_Resonansi\\_UiTM2030 Satu Kampus Satu Aspirasi\\_UiTM Cawangan Sabah \(1\).pdf](#)
2. [K0025\\_O01\\_OB05\\_20252\\_Bukti AKNC - Kriteria 6 \(5\).pdf](#)
3. [K0025\\_O01\\_OB05\\_20253\\_DOKUMEN LAPORAN PENGURUSAN RISIKO PROJEK FLP-GAPS 2.0.pdf](#)
4. [K0025\\_O01\\_OB05\\_20254\\_surat petikan minit jken N 0957 tocodes.pdf](#)
5. [K0025\\_O01\\_OB05\\_20255\\_Bukti 1 1.5.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

**Hasil Tumpuan Pelanggan** memacu **kecemerlangan universiti** melalui konsep **Quintuple Helix-5R** dalam memperkasa **jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan**.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCSH sentiasa berusaha untuk menjalinkan hubungan dua hala secara berterusan antara pihak UiTMCSH bersama pelanggan seperti pelajar, alumni, pemegang taruh dan pihak industri bagi **memastikan Misi, Visi dan KPI UiTMCSH dapat dicapai, selaras dengan Model Quintuple Helix-5R (Relation, Reduction, Reform, Return & Resilience) dan Pembangunan Lestari (SDG).**

**Tahap penglibatan pihak berkepentingan** dalam projek **FLP-GAPS 2.0** adalah **sangat mengagumkan dan amat membanggakan** kerana projek FLP-GAPS 2.0 berjaya menembusi sebanyak **1 jaringan antarabangsa pada tahun 2023**, dan sebanyak **6 jaringan di peringkat antarabangsa pada tahun 2024**. Tahap pencapaian **kolaborasi di peringkat antarabangsa ini telah melebihi jangkauan atau sasaran**, kerana projek FLP-GAPS pada awalnya hanya bertujuan untuk mempergiatkan kegiatan serta meningkatkan ekonomi bersama komuniti setempat. Kini, terbukti bahawa projek FLP-GAPS telah mendapat perhatian di peringkat nasional dan antarabangsa. **Projek Dapur HEP 2.0©** sentiasa memberi perhatian terhadap keberkesanan penglibatan pelanggan dan sentiasa memastikan kecukupan keperluan seperti beras di dapur HEP untuk memastikan semua pelajar yang berkekurangan terutamanya pelajar daripada golongan B40 dapat makanan yang secukupnya. Pihak HEP melaksanakan misi ‘**1 staf, 1 kampil beras**’ untuk memastikan beras mencukupi. Misi ini berjaya dilaksanakan apabila **jumlah kampil beras yang diterima adalah melebihi bilangan staf di kampus Kota Kinabalu** iaitu seramai 470 orang.

**Tren** jumlah penglibatan bersama pihak berkepentingan bagi projek FLP-GAPS 2.0 adalah **secara konsisten meningkat** dari awal pelaksanaan projek sehingga pada tahun 2024, jumlah jaringan **meningkat kepada 4** angka iaitu berlipat kali ganda daripada tahun sebelumnya. projek FLP-GAPS mendapat perhatian pelbagai pihak di peringkat nasional dan antarabangsa kerana **impak yang positif** kepada komuniti setempat khususnya golongan B40. Jumlah latihan dan perkongsian ilmu projek FLP-GAPS juga meningkat kerana hasil projek yang berimpak tinggi dan selaras **dengan aspirasi Hala Tuju Sabah Maju Jaya: Pelan Pembangunan 2021- 2025 dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030)**. **Tren perbandingan sumbangan** beras yang diterima oleh Dapur HEP 2.0© Sabah **masih kekal dengan kedudukan tertinggi** berbanding kampus cawangan yang lain, hal ini kerana pihak penyumbang dapat melihat matlamat Dapur HEP© adalah selaras dengan **SDG 2, SDG 3, SDG 4, SDG 7 dan SDG 10**.

**Perbandingan di peringkat antarabangsa** melalui **program Sakura Science Exchange Program di Okinawa, Jepun** telah membawa kepada penghasilan **inovasi perumah LAT** bagi pengurusan anak benih udang air kara tawar. Ini menyumbang kepada impak positif dalam **peningkatan ekonomi** khususnya golongan B40 melalui projek FLP-GAPS. Projek Dapur HEP 2.0© yang menyediakan **nasi percuma sebanyak dua kali sehari** berbanding university tempatan dan antarabangsa yang lain menjadikan projek tersebut **“best in class.”**

**Kepentingan hasil tumpuan pelanggan** dapat dilihat daripada penghasilan pelbagai **inovasi dan peningkatan pendapatan komuniti setempat dan taraf hidup** dalam kalangan bumiputera B40. Projek FLP-GAPS juga memberi **impak positif kepada UiTMCSH** melalui **aktiviti keusahawanan sosial, pengiktirafan projek berimpak tinggi, penerbitan, mengangkat visibility dan aspirasi UiTMCSH** sehingga ke **peringkat global**. Dapur HEP 2.0© UiTMCSH juga telah **direplikasi dan dipergiatkan** di seluruh kampus cawangan, institusi luar

dan adaptasi dari budaya masyarakat Kota Kuala Lumpur dalam menjaga kesehatan dan kesejahteraan mahasiswa melalui pemberian makanan. Projek ini juga menyumbang kepada pencapaian matlamat **SDG2, SDG3 dan SDG10**.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_K0025\\_HB02\\_20251\\_7.1.2 TAHAP HASIL PERANCANGAN STRATEGIK UiTMCSH.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_K0025\\_HB03\\_20252\\_7.1.3 TREN HASIL PERANCANGAN STRATEGIK UiTMCSH.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_K0025\\_HB04\\_20253\\_7.1.4 PERBANDINGAN TANDA ARAS HASIL PERANCANGAN STRATEGIK UiTMCSH.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_K0025\\_HB05\\_20254\\_7.1.5 KEPENTINGAN HASIL PERANCANGAN STRATEGIK UiTMCSH.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

**Hasil Perancangan Strategik** memacu **kecemerlangan universiti** melalui konsep **Quintuple Helix-5R** dalam **memperkasa jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan**.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bidang tumpuan UiTMCSH telah diselaraskan dengan **enam rukun Malaysia Madani, Model Quintuple Helix - 5R, tema 1 dan tema 2 RMK-12, tema strategik 5 Pelan Strategik UiTM2025, lonjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan Hala Tuju Sabah Maju Jaya** bagi pembangunan objektif utama dan inisiatif strategik dalam Perancangan Strategik UiTMCSH. Tahap hasil pencapaian UiTMCSH dapat diukur melalui hasil pelaksanaan dua projek utama iaitu **FLP-GAPS 2.0** dan **Projek Dapur HEP 2.0**<sup>©</sup>. Kedua-dua projek utama ini telah mencapai sasaran objektif utama perancangan strategik UiTMCSH.

UiTMCSH menerapkan Model **Quintuple Helix-5R (Relation, Reduction, Reform, Return, Resilience)** dalam **memperkasa jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan**. Objektif utama adalah untuk mendapat dana daripada agensi luar dan terdapat empat PI (*Performance Indicator*) yang menyokong kepada objektif utama iaitu **PI080; Bilangan program khidmat kepakaran alumni, PI076; Bilangan program pemindahan ilmu (KTP), PI028; Bilangan program kesukarelawan dan PI077; Jumlah dana yang diterima dari luar untuk program USR dan KTP**. Kesimpulannya, kesemua PI terpilih pada tahun 2024 telah menunjukkan hasil pencapaian (bilangan) yang mencapai sasaran dan satu PI menunjukkan hasil pencapaian (RM) adalah melebihi sasaran yang telah ditetapkan.

**Tahap hasil perancangan strategik UiTMCSH** pada tahun 2024 melalui bidang tumpuan iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan telah mempamerkan hasil pencapaian yang cemerlang dengan **mencapai sasaran dan melebihi sasaran (PI077) Performance Indicator (PI)** Pelan Strategik UiTM2025 yang telah ditetapkan.

**Tren hasil pencapaian perancangan strategik** bagi keempat-empat PI UiTMCSH dalam tempoh 5 tahun bermula tahun 2020 sehingga 2024 telah menunjukkan **data tren yang positif iaitu hasil mencapai sasaran dan melebihi sasaran** yang telah ditetapkan di *Performance Indicator (PI)* melalui Pelan Strategik UiTM2025.

**Perbandingan di peringkat antarabangsa** di antara **University of California, Berkeley** dan UiTMCSH. Bagi UiTMCSH, terdapat 7 inisiatif projek/program termasuk Dapur HEP<sup>©</sup> dalam membantu mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs 02) yang mampu menyaingi pencapaian universiti luar negara, seperti University of California, Berkeley. **Di peringkat antarabangsa**, sesi perkongsian daripada pihak SIG-ToCoDeS berkenaan projek komuniti FLP-GAPS telah disampaikan kepada delegasi daripada **The University of Waikato, New Zealand**. Perkongsian ini memaparkan impak tinggi projek FLP-GAPS dalam pembangunan sosioekonomi komuniti B40 melalui teknologi akuaponik moden dan penternakan lobster air tawar. Sesi perkongsian SIG-ToCoDeS dengan **The University of Waikato** bukan sahaja memperluaskan jaringan kerjasama antarabangsa tetapi juga meningkatkan profil projek FLP-GAPS sebagai model pembangunan komuniti inovatif bertaraf global.

**Kepentingan** yang diperolehi daripada projek yang dipilih telah **memberi impak ke peringkat antarabangsa**. Pada 5 Julai 2024, sesi perkongsian dan pemindahan ilmu berkaitan "**The Blue Economy: FLP-GAPS**" telah berjaya dilaksanakan bersama delegasi antarabangsa **Ateneo De Manila University, Quezon City, Philippines**. Ini membuktikan hasil pencapaian Projek FLP-GAPS telah memberi impak yang cemerlang di peringkat antarabangsa. SIG-ToCoDeS juga telah membenteng kertas ilmiah di peringkat antarabangsa iaitu di **Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) Ke-15** di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC),

**Berakas, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam pada 5 dan 6 Jun 2024 dengan tajuk penyelidikan “*Projek Freshwater Lobster Production-Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS): Pengeluaran Lobster Air Tawar mampan dengan sistem FLP-GAPS 2.0*”. Ini membuktikan Pelaksanaan FLP-GAPS dapat diperluaskan dengan perkongsian ilmu bukan sahaja di peringkat nasional malah telah disebar luas ke peringkat **antarabangsa**.**

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_K0025\\_HB02\\_20251\\_H2\\_K0025\\_HB02\\_20251\\_7.2.2 Tahap \(Level\) HASIL TUMPUAN PELANGGAN 2025 updated.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_K0025\\_HB03\\_20252\\_7.2.3 Tren HASIL TUMPUAN PELANGGAN 2025 \(V1\).pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_K0025\\_HB04\\_20253\\_7.2.4 Perbandingan.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_K0025\\_HB05\\_20254\\_7.2.5 Kepentingan.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

HASIL SUMBER MANUSIA MEMACU KECEMERLANGAN UNIVERSITI MELALUI KONSEP QUINTUPLE HELIX 5-R DALAM MEMPERKASA JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN KESUKARELAWANAN

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

##### **HASIL SUMBER MANUSIA**

UiTMCSH memastikan sumber manusia yang efisien bermula dengan perancangan sumber manusia yang optimum berdasarkan tadbir urus yang sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik UiTM. UiTMCSH melalui Pengurusan Sumber Manusia tangkas menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan bersama **projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS) dan projek Dapur HEP®**. Hasil dari perancangan sumber manusia memberi fokus kepada beberapa aspek utama iaitu proses pemindahan ilmu (Knowledge Transfer Program), penghasilan inovasi dan sumbangan kepada komuniti.

**Hasil dari segi tahap** sumber manusia untuk projek FLP-GAPS 2.0 telah menunjukkan **pencapaian melebihi sasaran tahunan** dalam program pemindahan ilmu kepada tenaga kerja melalui sumbangan kepakaran staf. Ini dapat dilihat melalui PI KTP (Knowledge Transfer Program) UiTMCSH di mana empat tahun berturut-turut (2021 sehingga 2024) yang **tercapai sepenuhnya dan melebihi sasaran 100%** yang telah ditetapkan dari segi pemindahan ilmu kepada masyarakat. Dapur HEP turut merekodkan tahap pencapaian UiTMCSH yang **melebihi sasaran (PI028) untuk jumlah penglibatan staf/pelajar/program dalam bidang kesukarelawan yang** menunjukkan UiTMCSH memastikan sumber manusia memberi manfaat semula kepada komuniti setempat.

**Tren hasil sumber manusia** turut memaparkan **tren kenaikan positif dari tahun 2020 ke tahun 2024**. **Penambahan jumlah latihan berbanding tahun sebelumnya** membuktikan bahawa projek ini sentiasa memastikan pemantapan ilmu dijalankan secara berterusan agar ilmu yang dipraktikkan sejajar dengan perkembangan fasa projek dan mengguna pakai teknologi yang terkini. **Dapur HEP® turut menunjukkan tren peningkatan positif untuk jumlah sukarelawan untuk empat fasa yang berlainan**, di mana jumlah sukarelawan menunjukkan peningkatan. Aktiviti kesukarelawan di kalangan pelajar mampu mengasah pelbagai kemahiran, dan memupuk sifat empati di kalangan pelajar.

**Hasil perbandingan sumber manusia** dapat dilihat melalui FLP-GAPS 2.0 yang bertindak sebagai projek perintis yang unik di Malaysia, dan **jarang ditemui di peringkat global yang menjadikannya “best in class”**. FLP-GAPS juga memberi komuniti (peserta) hibah dalam bentuk LAT dan duit berjumlah RM500. Hasil usaha projek ini menunjukkan **peningkatan hibah yang dapat membantu penghasilan sumber kewangan komuniti tempatan melalui latihan berterusan lobster air tawar**. Dapur HEP 2.0® juga telah menjadi *benchmark* dan pemangkin bagi Dapur HEP di 34 kampus UiTM di Malaysia menjadikannya “best in class” dan telah mendapat pengiktirafan hak cipta.

**Kepentingan sumber manusia** dapat dilihat melalui pengiktirafan TIGA (3) orang ahli ToCoDeS Legacy Sdn. Bhd yang merupakan **Alumni UiTMCSH**. Impak projek ini turut menyumbang kepada keberhasilan sumber manusia **melalui penciptaan peluang pekerjaan** di mana komuniti tempatan menjadi penerima manfaat utama dengan hampir 60% peluang pekerjaan tercipta. **Inisiatif OnTheGo Cafeteria FLP-GAPS 2.0 berjaya menawarkan pekerjaan separuh masa sekaligus menyumbang kepada pendapatan sampingan**. Bukan itu sahaja, penglibatan pelajar dalam Dapur HEP yang berlangsung secara konsisten setiap bulan telah menjadi wadah pembinaan sumber manusia holistik UiTMCSH di mana pelajar

dapat membina empati, dan daya tahan yang menjadikan graduan lebih berdaya saing di pasaran kerja. **Cetusan inovasi perkhidmatan Baharu Dapur HEP oleh Kumpulan Gagak Hitam yang dianggotai oleh staf BHEP UiTMCSH berjaya mendapat penarafan Perak, Anugerah KIK Primer Terbaik Inovasi Sosial (Kategori Penciptaan) dan Tempat ke-3 dalam Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat UiTM Se-Malaysia, membuktikan sumber manusia UiTMCSH yang produktif, dan berdaya cipta.**

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_K0025\\_HB02\\_20251\\_H3\\_K0025\\_HB02\\_20251\\_7.3.2 TAHAP SUMBER MANUSIA updated.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_K0025\\_HB03\\_20252\\_H3\\_K0025\\_HB03\\_20252\\_7.3.3 TREN HASIL SUMBER MANUSIA updated.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_K0025\\_HB04\\_20253\\_7.3.4 COMPARISON HASIL SUMBER MANUSIA.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_K0025\\_HB05\\_20254\\_H3\\_K0025\\_HB05\\_20254\\_7.3.5 IMPORTANCE HASIL SUMBER MANUSIA updated.pdf](#)